



RISALAH IJTIHAD

Persoalan Ijtihad Masa Kini

© PERSATUAN KEBUDAYAAN MALAYSIA TURKI
MALAYSIA TURKEY CULTURAL ASSOCIATION (MTCA)

TAJUK	RISALAH IJTIHAD
ISBN	978-983-44851-1-5
KARANGAN	BEDIUZZAMAN SAID NURSI
PENTERJEMAH	IBNOR AZLI IBRAHIM
CETAKAN PERTAMA	2009
CETAKAN KEDUA	2023

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, menyimpan atau menyebarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Alamat surat menyurat di Malaysia: No: A-8-4, Idaman Putera
Condominium, Jalan Jernai, 53100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Malaysia

Tel : 0122769944 (Emre Yasar)
0176626110 (Ali Aydogan)

E-mail : emreyasar@yahoo.com
aydogan6366@gmail.com

Alamat Cetakan di Malaysia: Kencana Sdn. Bhd. No.7, Jalan Lengkon-
gan Brunei, Jalan Pudu, 55100. Kuala Lumpur, Malaysia.

DARIPADA KOLEKSI RISALAH AN-NUR

RISALAH IJTIHAD

Persoalan Ijtihad Masa Kini



Badiuzzaman Said Nursi



Penterjemah

IBNOR AZLI IBRAHIM



Kandungan Buku

Kata Pengantar.....	7
Sepatah Kata Dari Penterjemah.....	9
Riwayat Hidup Ringkas Badiuzzaman Said Nursi.....	11
Kemunculan Risalah an-Nur.....	13
Kalimah ke-27 Risalah Al-Ijtihad.....	17
Enam Persoalan Penting Dalam Ijtihad Masakini.....	18
Yang Pertama: Jangan Buka Pintu Fitnah.....	19
Yang Kedua: Ijtihad Bukan Untuk Perkara Qat'ie.....	19
Yang Ketiga: Berhati-hati Berijtihad di Zaman Fitnah.....	19
Yang Keempat: Keperibadian Mujtahid Adalah Asas Ijtihad.....	22
Yang Kelima: Tiga Asas Penting Dalam Ijtihad.....	23
Yang Keenam: Ijtihad Salafus Soleh.....	28

Mana Satu Mazhab Yang benar.....	33
Lampiran Risalah Al Ijtihad: Tiga Hikmah Ketulinan Ijtihad Para Sahabat.....	37
Hikmat Pertama: Persahabatan Dengan Nabi SAW:.....	40
Sebab Kedua: Kesempurnaan Fitrah.....	42
Sebab Ketiga: Kemampuan Ijtihad Secarah Fitrah.....	46
Iman Antara Para Sahabat dan Umat Akhir Zaman.....	55
Persoalan Cinta Dunia.....	57
Salah Faham Mengenai Prinsip Tariqat.....	58
Jangan Pertikai Kemuliaan Para Sahabat.....	60
Beberapa Perbahasan Mengenai Ijtihad Masakini.....	63
Seruan ke Arah Penubuhan Majlis Syura Untuk Menggerakkan Ijtihad.....	68
Memahami Qudsiyyah (Kesucian) Al-Quran.....	75

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah s.w.t yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani,

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, seluruh keluarga dan sahabat baginda.

Al-Imam Badiuzzaman Said Nursi (1873-1960) mungkin satu nama yang asing bagi kebanyakan umat Islam di Malaysia ini, namun bagi yang pernah membaca karya dan sirah perjuangannya pasti dapat merasakan bahawa beliau adalah sebutir permata yang amat berharga buat umat ini. Semenjak beliau diperkenalkan melalui beberapa siri simposium dan seminar di UKM, karya beliau telah mula dikaji oleh para sarjana dan mahasiswa di Fakulti Pengajian Islam. Meneliti kepada karya agungnya “Risalah an-Nur” kita pasti akan teruja untuk mengetahui catatan ilmu dan perjuangan yang cuba disampaikan oleh beliau dengan lebih dekat lagi.

“Ijtihad dan Persoalan Semasa” adalah salah satu risalah ringkasnya yang cuba mengemukakan jawapan terhadap permasalahan fatwa dan ijtihad masakini. Saranan yang diajukan oleh beliau melalui risalah ringkas ini wajar dijadikan pedoman dalam menghadapi krisis ijtihad dan kecelaruan fatwa.

Pada hemat saya, usaha penterjemahan risalah ini adalah

tepat pada masanya. Saya yakin, penglibatan penterjemah secara langsung dalam penyampaian kuliah dari Risalah ini telah menghasilkan terjemahan yang bermutu dan menepati kehendak penulisnya.

Saya bagi pihak Fakulti Pengajian Islam dan Jabatan Syariah Khususnya merakamkan setinggi tahniah atas penerbitan buku terjemahan ini. Semoga usaha penterjemahan karya tokoh ini akan diteruskan demi kepentingan masyarakat Islam di negara Malaysia yang tercinta.

PROF. DR. MOHD NASRAN MOHAMAD
Dekan Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

SEPATAH KATA DARI**PENTERJEMAH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala puji bagi Allah swt yang telah menganugerahkan ikramnya kepada kita semua. Salawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah, para keluarga, sahabatnya dan seluruh mereka yang mengikutinya sehingga ke hari kiamat.

Persoalan ijtihad yang dibahaskan oleh An-Nursi dalam buku kecil ini adalah amat wajar diambil perhatian. Teguran dan saranan yang dikemukakannya adalah bersesuaian dalam suasana umat Islam kini yang penuh cabaran dan kekeliruan. Atas dasar itu saya memilih untuk menterjemahkan buku ini sebagai satu sumbangan kepada kha zana keilmuan Islam di Malaysia, sekaligus memberikan renjisan awal kehati para pencinta ilmu untuk membaca karya-karya An-Nursi yang lain.

Seterusnya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Rahmah Hashim dan Ust Anwar Fakhri Omar sebagai penyemak utama terjemahan ini. Kepada Sdr.Khairul Anwar Nayan, dan Sdr Cevdet Yildiz yang telah bekerja keras untuk memastikan terjemahan ini dapat diter bitkan. Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan kepada Persatuan Kebudayaan Malaysia Turki dan seluruh ahli Kelab al-Quran al-Karim yang setia

mengikuti siri Kuliah Risalah an-Nur setiap minggu. untuk kalian Allah SWT memberikan kerahmatan semua.

IBNOR AZLI IBRAHIM
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

RIWAYAT HIDUP RINGKAS BADIUZZAMAN SAID NURSI

Badiuzzaman Said Nursi dilahirkan pada tahun 1877 di sebuah kampung yang bernama Nurs, terletak di Timur Anatolia, Turki. Perkataan Nursi diambil bersempena dengan nama kampungnya ini. Beliau menerima pendidikan awal dalam pelbagai bidang ilmu agama dan sains daripada beberapa orang ulama terkenal di sekitar daerahnya dan di beberapa daerah lain di Turki. Ketika masih muda, beliau telah menunjukkan kepandaian dan kemahiran yang luar biasa dalam pelajarannya. Hal ini membuatkan beliau terkenal bukan sahaja dalam kalangan guru-guru dan rakan-rakannya bahkan juga dalam kalangan orang ramai. Dalam masa yang singkat, beliau mampu mendalami ilmu tafsir, hadis, fiqh, mantik dan sains moden. Beliau juga berjaya menghafal lebih kurang 90 jilid kitab-kitab yang muktabar. Sewaktu berusia 16 tahun, beliau telah mengalahkan beberapa orang ulama terkemuka yang telah menjemputnya ke beberapa majlis perbahasan. Pada ketika itu, perbahasan merupakan suatu amalan biasa dalam kalangan para ulama. Seorang ulama terkemuka ketika itu kemudian menggelarnya “Badiuzzaman” atau “Keunggulan Zaman” setelah beliau berjaya mengalahkan beberapa orang ulama lain dalam perbahasan ketika beliau masih berumur 16 tahun.

Pengalaman beliau dalam pelbagai bidang pendidikan yang dilalui telah mengubah fikirannya untuk memikirkan

cara untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bersepadu. Ketika itu, dunia sedang memasuki satu zaman baharu yang membawa angin perubahan di mana ilmu sains dan ilmu mantik memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian. Beliau berpendapat bahawa ilmu agama perlu diajar di sekolah-sekolah moden, dan sebaliknya ilmu sains moden perlu diajar di sekolah-sekolah agama. Pada pendapat beliau, "*Dengan cara ini, para pelajar di sekolah moden dapat dilindungi daripada kekufuran dan para pelajar di sekolah agama dapat dilindungi daripada sikap taasub*". Dalam usaha merealisasikan cita-cita beliau dan impiannya untuk mendirikan sebuah universiti di Anatolia Timur, beliau telah pergi ke Istanbul sebanyak dua kali. Kali pertama beliau pergi ke Istanbul, beliau bertemu dengan Sultan Abdul Hamid dan pada kali kedua pula, beliau bertemu dengan Sultan Muhammad Resyad. Badiuzzaman telah dilantik sebagai wakil bagi Timur Turki untuk mengiringi Sultan Muhammad Resyad melawat beberapa daerah di wilayah Balkan. Ketika berada di Kosovo, sebuah tempat di mana sultan bercadang untuk membina sebuah universiti di situ, beliau telah berkata kepada sultan, "*Kawasan Timur lebih memerlukan sebuah universiti kerana ia merupakan pusat dunia Islam*" dan telah berjaya meyakinkan Sultan Muhammad Resyad. Malangnya, pembinaan universiti tersebut tidak dapat disiapkan kerana tercetusnya Perang Dunia Pertama beberapa tahun kemudian.

Semasa tercetusnya Perang Dunia Pertama, Badiuzzaman telah dilantik sebagai komander pasukan sukarelawan di medan perang Kaukasia dan Anatolia Timur. Di medan perang inilah beliau telah menulis tafsirnya yang bertajuk

“Isyaratul I’jaz” dalam bahasa Arab. Beberapa bahagian daripada tafsir ini ditulis ketika beliau menunggang kuda di barisan hadapan dan di dalam kubu-kubu pertahanan di medan perang. Tafsir ini kemudian mendapat penghargaan daripada para ulama terkenal di Turki dan Kaherah.

Pada tahun 1911, Badiuzzaman telah dijemput ke Damsyik untuk menyampaikan khutbah di Masjid Umayyad. Para jemaah yang hadir ketika beliau menyampaikan khutbah itu termasuklah seratus orang ulama yang terkenal. Dalam khutbahnya, beliau telah menyebut bahawa tamadun sebenar umat Islam akan ditegak atau direalisasikan pada era dunia moden.

KEMUNCULAN RISALAH AN-NUR

Sepatutnya penyebaran iman bukanlah sesuatu yang perlu dibimbangkan. Berdakwah juga bukanlah satu jenayah yang melayakkan nyawa seseorang diancam. Namun begitu, hal ini dianggap satu jenayah ketika itu di mana kezaliman pihak berkuasa menyelubungi negara Turki dengan dahsyatnya. Azan telah diharamkan. Beratus-ratus masjid telah digunakan untuk tujuan bukan keagamaan. Perancangan telah dijalankan untuk memutuskan negara Turki daripada zaman silamnya yang terkenal dengan segala nilai-nilai akhlakunya yang mulia. Pada ketika itu, sesiapa yang ingin bercakap mengenai agama, mereka memerlukan keberanian yang tinggi.

Dalam suasana beginilah Badiuzzaman Said Nursi memasuki bahagian kedua hidupnya yang digelarnya “Said

Jadid” (Said Baharu). Bahagian kedua dalam hidupnya ini ditumpukan sepenuhnya kepada penulisan dan penyebaran Risalah an-Nur mengenai iman dan Islam. Baginya, kebenaran iman adalah kebenaran sejagat yang paling penting. Membangkitkan semula iman dan Islam menjadi matlamatnya apabila beliau berkata, “Saya akan buktikan kepada dunia bahawa al-Quran ialah matahari rohani yang tidak akan luntur dan tidak akan padam.” Maka itulah yang diperjuangkannya.

Ketika itu, penulisan atau penyebaran karya agama bukanlah sesuatu yang mudah yang mana sesiapa pun tidak berani melakukannya. Inilah perjuangan berani yang berterusan yang menjadi pilihan Badiuzzaman dan para pelajarnya.

Mereka yang telah memahami intipati iman melalui Risalah an-Nur dapat mencapai tahap keimanan yang kental sehingga mampu menunjukkan keberanian dan keperwiraan Islam yang hebat. Badiuzzaman, yang mewakili roh perjuangan Risalah an-Nur sendiri telah menjadi pemimpin bagi ratusan ribu pelajar dan kini telah mencapai jutaan pelajar yang menghayati karya tersebut. Beliau telah menjadi contoh kepada umat Islam di Turki ketika itu. Beliaulah penyokong mereka pada hari-hari yang penuh bahaya, seumpama seorang ketua tentera yang memberi galakan kepada tenteranya melalui keberanian dan kewibawaannya sendiri. Dengan ini, mereka telah berjaya menghilangkan ketakutan dari hati orang ramai dan sehingga kini, maruah negara telah dapat dikembalikan.

Beliau terus menulis dan menyebarkan Risalah an-Nur. Oleh sebab beliau dan para pengikutnya tidak diberi kebebasan, mereka telah menubuhkan rangkaian pengirim Risalah an-Nur yang dinamakan “Posmen Nur” (Nurcu). Hasilnya, mereka telah berjaya menyebarkan sebanyak 600,000 naskhah Risalah an-Nur yang bertulisan tangan ke seluruh Anatolia. Mengandungi lebih daripada 130 risalah atau bahagian.

Beliau juga telah berjaya menghasilkan karya-karya baharu walaupun kertas dan pena tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam penjara. Beberapa karyanya ditulis di atas cebisan-cebisan kertas yang dikoyak daripada apa sahaja barangan yang ada. Karyanya kemudian diseludup keluar di dalam kotak-kotak mancis. Sebahagian daripada karyanya yang berjudul “Meyve Risalesi (Buah-buah Keimanan)” telah ditulis dengan cara ini.

Beliau telah diracun sebanyak 19 kali. Ketika beliau menderita kesakitan akibat diracun, beberapa orang pelajarinya memberanikan diri untuk menolongnya tetapi telah ditangkap dan diseksa dengan kejam sekali. Beliau juga telah dibuang dari daerah ke daerah dan dipenjarakan hampir separuh daripada hayatnya.

Akhirnya, pada tahun 1956, Mahkamah Agung di Afyon telah mengisytiharkan beliau dan murid-muridnya tidak bersalah.

Selepas hampir seabad berkhidmat untuk iman dan Islam, Badiuzzaman Said Nursi kembali ke rahmatullah pada waktu pagi 23 Mac 1960. Beliau telah kembali ke

rahmatullah dengan penuh kemuliaan dan kemenangan.

Risalah an-Nur adalah koleksi karya yang memberi keutamaan kepada asas keimanan, berasaskan kebenaran al-Quran dan Hadis kepada manusia yang disesuaikan dengan kehidupan zaman ini. Metodologi yang digunakannya adalah dengan menganalisis keimanan dan kekufuran serta menunjukkan melalui hujah-hujah yang rasional dan terang bahawa bukan sahaja keimanan boleh dibuktikan, kesemua kebenaran yang terkandung dalam keimanan seperti kewujudan Allah SWT dan keesaan-Nya, kerasulan dan kebangkitan manusia pada hari akhirat dalam bentuk jasad juga dapat dibuktikan dengan jelas.

Dalam menjelaskan keadaan yang sebenarnya dari tujuan utama penciptaan manusia dan alam semesta ini, Risalah an-Nur menunjukkan bahawa kebahagiaan dunia dan akhirat hanyalah boleh diperolehi dalam keimanan dan ilmu agama yang benar. Ia juga menunjukkan kekufuran, menyebabkan roh manusia dan hatinya mengalami kesakitan dan kesedihan yang amat sangat, menyebabkan orang-orang yang sesat berusaha untuk menghilangkannya melalui cara-cara yang melalaikan dengan menolak kenyataan.

Akhirnya, perkara yang perlu kita lakukan adalah menggembelng semua tenaga untuk membangunkan ajaran Islam melalui asas keimanan dan menjawab persoalan-persoalan keimanan ini pada tahap yang diperlukan dengan jihad yang maknawi.

KALIMAH KE-27

RISALAH IJTIHAD

Enam Persoalan Penting Dalam Ijtihad Masa Kini

Lebih kurang lima tahun yang lalu aku pernah menulis satu artikel berkaitan “Al-Ijtihad” dalam satu tulisan berbahasa Arab¹, sebagai memenuhi permintaan kedua saudaraku yang tercinta, aku menulis coretan ini sebagai bimbingan kepada mereka yang tidak mengetahui skop permasalahan ijtihad ini supaya mereka dapat memberikan perhatian sewajarnya.

Firman Allah SWT:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَدَّعَوْا بِهٖ ۗ وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى
الرَّسُولِ وَالْيَ أُولَى الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ مِنْهُمْ ۗ وَلَوْ لَا
فَضَّلَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتَهُ لَاتَّبَعْتُمُ الشَّيْطَانَ إِلَّا قَلِيلًا

Yang bermaksud:

Dan apabila sampai kepada mereka suatu berita tentang keamanan ataupun ketakutan, mereka (langsung) menyiarkannya. (Padahal) apabila mereka menyerahkannya

1. Artikel tersebut ialah [”حباب من عمان القرآن الكريم“] dalam karyanya yang berjudul [المثنوي العراقي النوري] – penterjemah.

kepada Rasul dan Ulil Amri di antara mereka, tentulah orang-orang yang ingin mengetahui kebenarannya (akan dapat) mengetahuinya (secara resmi) dari mereka (Rasul dan Ulil Amri). Sekiranya bukan karena karunia dan rahmat Allah kepadamu, tentulah kamu mengikuti setan, kecuali sebagian kecil saja (di antara kamu). (Surah an-Nisa: 83)

Sesungguhnya pintu ijtihad masih terbuka, namun begitu terdapat enam perkara yang menghalang kita dari memasukinya.

Yang Pertama:

Jangan Buka Pintu Fitnah

Ketika ribut di musim dingin kesemua tingkap dikunci rapat, bahkan yang sekecil-kecil lubang pun ditutup, membuka pintu di waktu itu adalah suatu yang tidak waras. Ketika banjir melanda pula adalah waktu yang tidak sesuai untuk memperbaiki empangan kerana ia boleh membawa bah dan kebinasaan.

Demikian juga di dalam Islam, membuka pintu baru bagi istana Islam yang telah kukuh ini juga merupakan satu jenayah. Jika kita merobek mana-mana bahagian dinding Islam, ia akan memberi laluan kepada musuh Islam menceroboh untuk memusnahkan Islam atas nama "Ijtihad". Terutama di zaman yang penuh kemungkaran ini, zaman yang telah dilanda oleh budaya barat yang mencengkam dan zaman yang getir dengan bid'ah dan kesesatan yang menghancurkan.

Yang Kedua:

Ijtihad Bukan Untuk Perkara Qat'ie

Perkara-perkara dharuriyyat² dalam agama kita yang tidak perlu kepada ijtihad kerana sifatnya yang qat'ie dan thabit adalah terlalu banyak, ia seumpama makanan asasi kehidupan kita, tetapi ia diabaikan dan mula dilupai atau pupus. Sepatutnya seluruh tenaga dan usaha digembelangkan untuk membangun dan menyuburkan keperluan asas agama (*dharuriyyat*) itu tadi. Kerana, sudut-sudut teori dalam Islam telah diperlengkap oleh pemikiran para salafus soleh dan telah diperluas dengan ijtihad mereka yang telus sehingga ia sesuai untuk seluruh zaman. Oleh yang demikian, meninggalkan ijtihad yang telah disempurnakan ini lalu mencari ijtihad yang lain adalah tuntutan nafsu semata-mata adalah suatu pengkhianatan dan perbuatan bid'ah.

Yang Ketiga:

Berhati-hati Berijtihad di Zaman Fitnah

Keperluan dan tuntutan kehidupan adalah seumpama promosi jualan barang di pasaran. Ia berlaku mengikut musimnya, ada barangan yang dipromosikan pada suatu musim tapi tidak pada musim yang lain mengikut keperluan. Promosi yang dibuat mengikut kesesuaian musim dan keadaan ini akan menarik perhatian ramai dan pasti meraih

2. Perkara *dharuriyyat* yang dimaksudkan dalam tulisan beliau ini ialah hukum hakam agama dan rukun-rukunnya yang terlalu asas dan pasti diketahui meskipun tanpa penelitian yang mendalam kerana perkembangan dakwah yang meluas. Contohnya: wajibnya solat, zakat, haji dan haramnya judi, arak dan zina. Perkara ini tak perlu kepada kajian mendalam maka ia disebut sebagai *dharuriyyat* (wajib tahu) – Penterjemah.

keuntungan.

Contohnya di zaman kita ini: barangan yang paling laku ialah hal ehwal politik, kesenangan hidup, memikirkan kebendaan dan apa-apa perkara yang mendorong ke arah itu. Manakala di zaman salafus soleh pula, barangan yang paling bernilai, berharga, menguntungkan dan senang dipromosikan dalam pasaran hidup mereka ialah : keredhaan Tuhan seluruh petala langit bumi dan mematuhi seluruh suruh tegah-Nya, berusaha pula untuk memahami dan mengistinbat hukum hakam dari al-Quran Karim yang diturunkanNya, berusaha untuk memperoleh jalan yang menyampaikan kepada kebahagiaan abadi yang pintunya dibuka oleh al-Quran al-Karim dan cahaya kenabian.

Seluruh fikiran, hati dan jiwa tertumpu – (pada zaman itu) – kepada mengenali keredhaan Allah SWT dan menguasai kehendak kalamnya itu (iaitu al-Quran) menggunakan semua kemudahan yang ada. Sehingga arah kehidupan mereka, perilaku mereka, hubungan sesama mereka dan perbuatan mereka terarah kepada mencari redha Allah, Tuhan seluruh petala langit dan bumi.

Oleh yang demikian, bagi mereka yang mempunyai persediaan dan penerimaan fitrah yang bersih, walau tanpa ia sedari akan menjadikan kehidupan yang berdasarkan redha Allah SWT sebagai didikan rohani dan iktibar.

Seolah-olah fitrah hati dan jiwanya menerima bimbingan dan didikan dari setiap sesuatu di sekelilingnya. Hati dan fitrahnya mendapat faedah dan manfaat dari setiap kejadian, peristiwa, suasana dan setiap tahap perjalanan hidup ini.

Seolah-olah setiap sesuatu di sekelilingnya berperanan sebagai guru murshid yang mendidik fitrahnya, membimbing dan menunjuk jalan kepadanya lantas melayakkannya untuk berjihad, ketika itu sinar kebijaksanaannya terpancar walau tanpa digilap oleh usaha yang gigih. Jika individu seumpama ini mula untuk berjihad di tengah masyarakat pada waktunya maka kesediaannya ini akan membuahkan hasil “ نور على نور ” cahaya di atas cahaya: dia juga akan amat mudah menjadi seorang mujtahid dalam tempoh yang singkat.

Berbeza pula halnya di zaman kita ini, tamadun dan kebudayaan Eropah yang mencengkam, falsafah kebendaan Barat dan pemikirannya yang sentiasa menghantui, dan menyempitkan keperluan kehidupan harian kita telah menyumbang kepada perpecahan dalam pemikiran umat, jiwa-jiwa menjadi berbolak-balik dan kebingungan, matlamat dan kepentingan berselerakkan di sana sini tanpa penyatuan, sehingga perkara yang maknawi mula menjadi asing dari pemikiran umat ini.

Justeru, jika terdapat seorang insan di zaman kita ini sebijak Sufyan Bin Uyainah yang mana beliau telah menghafaz al-Quran, dan berdamping dengan ulama-ulama besar seusia empat tahun maka orang itu perlu kepada sepuluh kali ganda keistimewaan yang diperolehi oleh Sufyan untuk membolehkan dirinya layak berjihad. Dengan lain perkataan, jika Sufyan perlu sepuluh tahun untuk mencapai tahap ijihad maka insan sebijak beliau di zaman ini perlu kepada tempoh seratus tahun. Sebabnya ialah, asas pendidikan fitrah Sufyan Bin Uyainah dalam

ijtihad bermula pada umur *mumayyiznya* dan ia mula memperlengkapkan dirinya ke arah ijtihad secara beransur-ansur seperti nyalaan api yang bermula secara dramatik dan perlahan-lahan.

Lain pula halnya di zaman ini, insan yang ingin menuju tahap ijtihad seumpamanya telah tenggelam pemikirannya dengan falsafah kebendaan, pengaruh dan elemen politik menguasai jiwa dan akalunya. Hatinya serba-salah bila berhadapan dengan kepentingan survivalnya. Ketika ini kesediaannya untuk ijtihad mula jauh, tambahan pula kesedaran kemampuan ilmunya dalam ijtihad amat terhad berasaskan ilmu duniawi (serpihan) yang dimilikinya.

Oleh yang demikian, dia tidak boleh mendabik dada sambil berkata: *“Apa yang boleh menghalang aku untuk tidak sampai ke tahap ijtihad seumpama Sufyan Bin Uyainah, sedangkan aku juga memiliki kebijaksanaan yang sama?”*. Ya!, Sememangnya dia tidak layak berkata demikian, bahkan ia tidak mungkin setanding dengan ulama besar itu dan tidak akan mencapai tahap yang dimiliki ulama itu.

Yang Keempat:

Keperibadian Mujtahid Adalah Asas Ijtihad

Tubuh manusia mengembang dalam proses tumbesarnya. Jika proses itu bermula dari bahagian dalam tubuhnya, maka ia adalah tanda kesempurnaannya, ia adalah perkara normal dan semulajadi. Namun, jika proses itu bermula dari luar maka ia menunjukkan kepada kerosakan struktur

tubuhnya, ia pasti akan membawa kepada kehancuran dan kemusnahan, ia bukan lagi proses tumbesar.

Demikianlah juga halnya dengan ijthad, sekiranya ia datang dari insan yang berlandaskan Islam dalam kehidupannya lalu ia berijthad di bawah lembayung taqwa dan kewarakan yang sempurna, ia sentiasa patuh kepada tuntutan agama, maka ia adalah petunjuk kepada kesempurnaan diri dan ijthad yang bakal dilakukannya. Buktinya, lihat saja suri teladan dari salafus soleh.

Jika usaha ijthad itu lahir dari seorang yang meminggirkan kepentingan agama, cinta pula kepada kehidupan dunia, pemikirannya dicemari falsafah kebendaan yang menipu, maka ia adalah jalan menuju kehancuran Islam atau permulaan untuk membebaskan diri dari naungan Islam.

Yang Kelima:

Tiga Asas Penting Dalam Ijthad

Di sana ada tiga perkara penting yang perlu kita perhati dan renungkan. Ia menjadikan ijthad zaman ini hanya sekadar dipermukaan, rohnya telah hilang, sedangkan syariat Islam bersifat samawi dan ketuhanan. Ijthad juga mestilah bersifat samawi kerana ia adalah alat untuk menjelaskan perincian dan rahsia hukum yang tersembunyi. Tiga perkara tersebut ialah :

Pertama:

Illah (sebab utama) suatu hukum adalah berbeza dengan hikmah hukum. Hikmah dan masalah dijadikan sebab

pentarjihan dalam suatu masalah hukum³. Hikmah bukan sandaran kepada adanya hukum atau mewujudkan hukum. Manakala *illah* pula adalah sandaran kepada adanya hukum. Ungkapan ini kita perjelaskan dengan contoh berikut :

Solat qasar dalam perjalanan, dalam keadaan ini solat empat rakaat diqasarkan menjadi dua rakaat, *illah* bagi rukhsah ini ialah “perjalanan”. Hikmah dari rukhsah ini ialah “kesusahan dalam perjalanan”. Jika ada “perjalanan” tetapi tiada “kesusahan” solat boleh juga diqasarkan kerana “*illah*” tetap ada iaitu “perjalanan”. Namun jika tiada “perjalanan” tetapi “kesusahan” ada berkali ganda maka “kesusahan” itu sekali-kali tidak bertukar menjadi “*illah*” untuk qasar.

Berbeza dengan hakikat ini, teori ijtihad pada zaman ini tertumpu kepada memelihara masalah dan hikmah, bukannya menegakkan *illah*. Berdasarkan prinsip sebeginilah hukum dikeluarkan; tiada syak lagi bahawa ijtihad seumpama ini adalah “*duniawi*” dan bukannya “*samawi*”.

Kedua:

Fokus perjuangan zaman ini terarah kepada bagaimana untuk menjamin kebahagiaan di dunia, maka seluruh hukum hakam dikerahkan ke arah itu. Sedangkan fokus hukum-hukum syarak ialah kebahagiaan akhirat, kebahagiaan di dunia adalah perkara kedua, dengan erti kata lain pandangan umum zaman kita ini sudah tidak selari lagi dengan roh

3. Tarjih ialah satu proses untuk memilih pendapat atau hukum yang terkuat ketika berlaku banyak pandangan dalam sesuatu masalah. – Penterjemah.

syariat dan *maqasidnya*. Maka amat sukar untuk berjihad atas nama syariat.

Ketiga:

Kaedah Fiqh yang berbunyi :

إِنَّ الضَّرُورَاتِ تُبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ

Yang bermaksud: *Setiap perkara dharurat akan mengharuskan perkara haram.*

Kaedah ini tidak bersifat “*kulliah*” iaitu umum, kerana jika dharurat itu timbul melalui jalan yang haram maka ia tidak boleh menjadi sebab untuk mengharuskan perkara haram. Jika tidak, maka apa saja dharurat yang dihadapi oleh individu dengan pilihannya, atau dengan jalan salah tidak boleh dijadikan hujah dan alasan, tidak juga sebagai sebab untuk mengharuskan yang haram. Ia tidak boleh dijadikan sandaran hukum-hukum yang bersempenakan “*rukhsah*”.

Contoh keterangan di atas ialah:

Jika seseorang mabuk kerana perbuatannya sendiri. Maka perilakunya ketika mabuk menjadi hujah ke atas dirinya menurut ulama’ fiqh. Dia tidak boleh dikecualikan dari hukum. Jika dia menceraikan isterinya maka jatuhlah talak tersebut, jika ia melakukan jenayah, hukuman boleh dikenakan terhadap jenayah yang dilakukannya meskipun ia mabuk. Jika ia mabuk bukan dengan kehendak sendiri maka talak tersebut tidak jatuh dan jenayahnya itu dimaafkan. Namun seorang penagih arak tidak boleh berkata: “arak

adalah suatu yang dharurat bagi diriku, justeru, ia adalah halal untukku”. Meskipun meminum arak itu benar-benar ke tahap dharurat pada pandangan pakar namun ia tetap bukan dharurat syarie.

Bertitik tolak dari pemahaman ini terlalu banyak perkara yang menimpa orang ramai di zaman ini yang boleh dianggap dharurat bagi diri mereka, sehingga ia membentuk suatu keadaan terpaksa yang diistilah oleh para fuqaha’ sebagai “*umum al-balwa*”, inilah yang dinamakan dharurat. Namun ia bukanlah hujah dan alasan untuk beramal dengan hukum “*rukhsah*”. Keadaan sedemikian tidak boleh mengharuskan yang haram kerana “keadaan” itu tadi “dicipta” oleh manusia dengan pilihannya berasaskan kehendak yang menyalahi syarak pada awal mulanya dan kerana muamalat yang diharamkan oleh syarak.

Oleh kerana para ahli ijtihad zaman ini menjadikan dharurat bentuk ini sebagai asas hukum hakam mereka maka kita dapati ijtihad mereka adalah disaluti duniawi, menurut hawa nafsu dan dicemari oleh falsafah kebendaan. Ia bukan lagi ijtihad yang bersifat samawi. Ia tidak seharusnya dinamakan ijtihad sama sekali. Ini kerana, sebarang pindaan terhadap hukum-hakam yang diturunkan oleh Pencipta langit dan bumi ini atau sebarang campurtangan dalam urusan ibadah hamba-hambanya yang bukan atas sebab *rukhsah* dan keizinan syarak secara maknawi adalah perbuatan yang ditolak dan dimurkai.

Contohnya ialah: Terdapat golongan yang menganggap rukun khutbah jumaat dan beberapa syiar Islam yang lain

hendaklah disampaikan dalam bahasa ibunda dan bukan dengan bahasa Arab, hujah mereka adalah seperti berikut :

Pertama

Ia akan memudahkan orang-orang awam memahami perkembangan politik tanah air.

Jawapannya: Ia tidak boleh diterima kerana perlembagaan politik yang dimaksudkan tadi telah pun dipenuhi dengan penipuan, pembohongan dan tipu daya yang sesuai disebut propaganda syaitan. Sedangkan mimbar masjid adalah tempat penyampaian wahyu Allah, tidak sewajarnya ia menjadi tempat propaganda syaitan.

Kedua

Mereka berhujah: “khutbah adalah untuk memahami didikan yang cuba diketengahkan oleh surah-surah al-Quran”.

Jawapannya: Ya! Jika majoriti umat Islam sudah memahami asas-asas syariat yang wajib diterima. Mereka juga sudah menghayati perkara agama yang bersifat “wajib diketahui” (معلوم بالضرورة). Dalam masa yang sama mereka patuh dan melaksanakan hukum hakam ini dengan sempurna, maka boleh jadi bahasa ibunda sesuai untuk mereka dalam isu khutbah ini. Penterjemahan ayat-ayat al-Quran kepada bahasa mereka juga mungkin boleh diterima (meskipun terjemahan tepat tak mungkin dilakukan)⁴. Tujuannya ialah supaya mereka dapat memahami teori-

4 Dalam Kalimah ke 25 (المعجزات القرآنية) telah dijelaskan bahawa al-Quran tidak mungkin dapat diterjemahkan dengan terjemahan hakikinya. Pengarang.

teori syariat, permasalahan yang rumit dan bimbingan-bimbingan yang tersirat. Namun di zaman kita ini, semua hukum hakam ini telah diabaikan sepenuhnya, seperti hukum wajibnya solat, puasa, zakat, pengharaman arak, membunuh, zina dan arak. Orang awam tidak perlu belajar perkara yang terlalu mendetail dalam Islam sebaliknya keperluan mereka ialah mematuhi hukum hakam yang jelas ini dalam kehidupan mereka.

Pematuhan terhadap hukum hakam ini hanya boleh dilaksanakan dengan cara “memperingatkan dan mendorong” mereka tentang amal-amal ibadat, membentuk azam, dan mencetuskan rasa peka kepada agama mereka dalam akal dan jiwa mereka. Jiwa keimanan mereka perlu digerakkan supaya segera mematuhi hukum-hukum tersebut dan seterusnya mengikuti ajaran suci ini.

Walaupun bagaimana jahil pun seorang muslim, pasti memahami tuntutan umum al-Quran dan ungkapan dalam bahasa Arab, dia pasti tahu bahawa khatib sedang memperingatkan dia dan sidang jemaah tentang tuntutan al-Quran, tentang tuntutan rukun Iman dan asas-asas Islam yang boleh diketahui tanpa belajar (معلوم بالضرورة). Di situ hatinya akan mula berasa rindu untuk melaksanakan tuntutan hukum-hakam itu.

Tidak pernah ada dan tidak akan ada samasekali ungkapan yang mampu untuk berhadapan dengan kekuatan makna ungkapan yang bermukjizat dari ayat-ayat al-Quran kerana ia disokong oleh kuasa di Arasyh yang maha tinggi. Tidak akan kita temui didikan, peringatan dan bimbingan

yang lebih baik dari al-Quran.

Yang Keenam:

Ijtihad Salafus Soleh

Zaman golongan mujtahid salafus soleh yang hampir dengan zaman sahabat r.a. yang merupakan zaman hakikat dan zaman cahaya, membolehkan mereka mencedok cahaya yang bersih dari sumbernya yang tulin. Lantas, mereka mampu berijtihad dengan tepat dan telus. Berbanding dengan mujtahid zaman ini yang melihat ke zaman keemasan itu dari jarak yang jauh sekali. Diselangi dan dibatasi pula oleh hijab dan rintangan yang mengaburkan pandangan mereka.

Jika kamu berhujah: landasan ijtihad dan sumber hukum syarak ialah keadilan (العدالة) yang ada pada diri Para Sahabat dan sifat benar mereka (الصدق), sehingga umat telah bersepakat bahawa mereka itu adil lagi benar. Perlu kita akur bahawa mereka adalah insan sepertimana kita, mereka juga tidak sunyi dari kesilapan.

Jawapan

Para sahabat adalah pembela dan perindu kebenaran. Mereka amat peka kepada keadilan dan kebenaran. Di zaman mereka kejahatan dan pembohongan adalah jelas kekejiannya manakala berbuat baik dan bercakap benar adalah jelas kebaikannya tanpa perlu disembunyikan. Maka jurang perbezaannya amat jauh sekali sejauh bintang Thurayya dari bintang Thara, dan antara Arash Allah dari katil di rumah kita.

Hal ini juga boleh dijelaskan dengan perbezaan antara Nabi Muhammad SAW yang mulia yang berdiri di kemuncak kebenaran dan setinggi-tinggi darjat di syurga dengan Musailamah al-Kazzab yang mendiami neraka paling bawah kedudukannya. Dan dia merupakan pembohong paling besar. Keinginan Musailamah untuk berada di seburuk-buruk tahap yang hina ini adalah atas dorongan sikap “berbohong” manakala yang mendorong Nabi untuk mencapai tahap yang tertinggi itu ialah “berkata benar” dan istiqamah.

Oleh yang demikian, para sahabat yang memiliki jati diri yang tinggi dan akhlak yang mulia, yang mendapat limpahan cahaya “persahabatan” mereka dengan Nabi akan menjauhi pembohongan keji yang dijaja oleh Musailamah al-Kazab. Najis pembohongan yang dibawanya itu akan membawa kehinaan dunia akhirat. Para Sahabat menjauhkan diri dari berbohong sama sepertimana mereka menjauhkan dari kekufuran yang merupakan kembarnya. Mereka bertungkus lumus untuk memburu ketelusan, istiqamah dan kebenaran.

Mereka memburunya dengan segala kekuatan dan azam yang ada lalu mereka menjiwainya terutama dalam periwayatan hukum dan penyampaiannya (التحمل والأداء) kepada orang lain dan generasi seterusnya. Hukum-hukum yang diriwayatkan itu sangat indah, dibangga dan disanjung. Ia merupakan satu jalan untuk mereka naik menjulang ke maqam yang tinggi dan sempurna yang bersambung jaringannya dengan Rasulullah yang mulia. Menjadikan alam semesta untuk kehidupan manusia ini bercahaya dan bersinar.

Berbanding dengan zaman ini yang pembohongan dan ketelusan itu telah pun rapat jurangnya. Percubaan terus dijalankan untuk menjadikan dua elemen ini berhampiran dan saling melengkapi. Ini menjadikan ia menyimpang dari ketelusan kepada pembohongan. Itu suatu yang mudah dan pantas bahkan terkadang pembohongan adalah lebih diutamakan dari bercakap benar dan telus dalam kempen-kempen politik.

Jika suatu barang yang elok dijual dengan barang yang tidak elok di dalam satu tempat dengan harga yang sama. Sudah pasti pembeli yang ingin memilih barang yang elok tidak perlu lagi mendengar penjelasan pemilik kedai tersebut, tidak juga perlu kepada pengetahuannya terhadap barangan itu dan tidak perlu lagi kepada pemeriksaan yang rapi kerana barang yang baik dan buruk ada di depan matanya.

Penutup

Syariat-syariat yang diturunkan berubah mengikut perubahan zaman. Terkadang terdapat juga beberapa syariat diturunkan bersama rasul-rasul yang mulia tetapi di dalam zaman yang sama berdasarkan kaum. Situasi sebegini benar-benar berlaku.

Selepas kedatangan dan pengutusan penutup segala nabi, syariat lain tidak lagi diperlukan. Ini kerana, syariat yang dibawanya itu lengkap sempurna dan mampu menyahut seluruh tuntutan zaman, tempat dan kaum.

Adapun *juz' iyyat* hukum (perincian) yang tidak terdapat

di dalam nas dan perlu pula kepada perubahan hukum mengikut suasana semasa, maka ijthid para fuqaha' berperanan menyelesaikannya. Sepertimana jenis pakaian berubah mengikut musim dan ubat berubah mengikut keperluan dan individu pesakit. Demikian syariat itu berubah mengikut zaman. Hukum hakam syarak adalah selari dengan kesediaan fitrah umat dalam menerimanya. Kerana hukum hakam syarak ini menurut sahaja kepada hal keadaan dan suasana yang dihadapi oleh manusia ramai. Ia akan sentiasa bersesuaian dengan suasana itu lalu ia mampu menjadi ubat kepada setiap penyakit masyarakat

Pada zaman para anbiya' terdahulu, peringkat kehidupan manusia adalah berbeza, ditambah pula dengan sikap keras hati dan keras perilaku. Di sudut pemikiran, mereka ini adalah cenderung kepada pemikiran badwi. Oleh yang demikian syariat yang diturunkan pada waktu itu adalah berbeza antara satu sama lain. Ia sesuai dengan keadaan dan situasi mereka, bahkan ada beberapa orang nabi membawa syariat yang berlainan tetapi di tempat dan zaman yang sama.

Namun, dengan kehadiran nabi akhir zaman, penutup sekalian nabi dan rasul. Pemikiran manusia telah pun lengkap dan sampai ke kemuncaknya. Seumpama kanak-kanak yang telah melalui alam persekolahan yang sempurna dari sekolah rendah, menengah dan universiti. Di waktu ini mereka telah mampu menerima pendidikan yang sekata. Satu mata pelajaran, satu guru. Jadi, manusia telah pun boleh menerima satu syariat sahaja. Walaupun terdapat perselisihan pendapat dan hukum namun keperluan

kepada kepelbagaian syariat dan guru bukanlah suatu yang praktikal.

Tetapi, manusia gagal untuk sampai kepada satu tahap secara serentak dan mereka juga tidak mungkin hidup dalam satu acuan masyarakat maka timbullah kepelbagaian mazhab fiqh (itupun dalam perkara-perkara cabang). Jika manusia secara majoritinya mampu untuk hidup dalam satu masyarakat dan boleh mencapai tahap pemikiran yang sekata maka ketika itu barulah penyatuan mazhab boleh berlaku.

Seperti yang kita maklumi, keadaan dan suasana dunia, tabiat dan perilaku manusia yang berbeza tidak membolehkan kita mencapai maksud ini, demikian jugalah penyatuan mazhab sukar untuk terjadi.

Mana Satu Mazhab Yang benar

Jika anda mempersoalkan: *“Kebenaran hanya satu, bagaimana pula hukum dari empat mazhab atau dua belas mazhab dianggap benar?”*.

Jawapan:

Segelas air memberikan rasa yang berbeza jika diberikan kepada pesakit yang berlainan, mengikut keadaan sakitnya, ketika ini ia akan menerbitkan 5 hukum. *“Jika air ini adalah ubat bagi pesakit tersebut, mengikut kepada keperluannya, maka meminumnya menjadi wajib. Jika diberikan kepada pesakit lain air tersebut membawa mudharat maka*

meminumnya menjadi haram, jika mudharatnya ringan hukumnya berubah menjadi makruh, jika ada manfaat yang sedikit tanpa membawa apa-apa mudharat ia menjadi sunat, jika meminumnya tidak membawa apa-apa mudharat juga manfaat maka ia adalah harus.”

Dari contoh di atas kita dapat perhatikan bahawa:

Terdapat lima kebenaran di sini, kita tidak mengatakan air tersebut adalah ubat semata-mata atau hukumnya wajib diminum semata-mata dan air tersebut tidak mempunyai hukum lain. Demikianlah, seperti contoh di atas tadi hukum hakam Allah berubah mengikut hikmah Ilahiyyah dan bergantung kepada penerimanya. ada yang berubah dan ada yang kekal, setiap hukum tadi adalah benar kesemuanya dan ia merupakan suatu masalah bagi setiap keadaan.

Sebagai contoh, sebilangan besar pengikut imam al-Syafie adalah penduduk kampung dan mempunyai pemikiran kekampungan. Kehidupan kemasyarakatan mereka agak terhad kerana kurang hubungan sesama qabilah. Maka setiap individu digalakkan untuk meluahkan isi hatinya kepada Allah dengan penuh tenang dan hati yang hadir. Setiap permintaan dan doa dilafazkan sendiri secara individu kepada Allah SWT. Maka mereka membawa surah al-Fatihah sendirian meskipun ia mengikut imam. Ini adalah satu kebenaran dan ia mempunyai hikmah yang tersendiri.

Lain pula halnya dengan pengikut mazhab imam Abu Hanifah r.a. mereka lebih bersifat sosial kerana majoriti mereka penduduk bandar dan kota, ini dapat dilihat dari kecenderungan pihak kerajaan untuk menjadikan mazhab

ini sebagai mazhab negara. Maka jemaah dalam solat adalah seumpama seorang insan, seorang insan mewakili jemaahnya, kerana biasa taat dan patuh kepada pemimpin dan mereka percaya dan mempunyai tautan hati kepada wakil mereka. Kata-kata wakil adalah suara hati seluruh jemaah. Makmum tidak membaca Fatimah di belakang imam adalah suatu kebenaran di pihak mereka dan ada hikmahnya yang tersendiri.

Bilamana syariah menetapkan sekatan-sekatan yang menghalang tindak tanduk manusia dari melepasi maka ia sekaligus mendidik dan membetulkan tingkah laku mereka. Maka terdidiklah nafsu amarah mereka. Hasilnya, wuduk menjadi batal jika bersentuhan dengan wanita, dan najis yang sedikit juga menghalang kesucian. Ini Menurut mazhab Syafie yang kebanyakan pengikutnya adalah dari orang-orang kampung dan pendalaman yang liat dalam melakukan amalan. Tetapi, dalam mazhab Hanafi lain pula halnya, menyentuh wanita tidak membatalkan whudu' dan najis sebesar syiling dirham adalah dimaafkan. Pengikut mazhab Hanafi adalah didominasi oleh penduduk bandar yang lebih maju.

Di sini kita dapat memerhati perbezaan antara seorang buruh dan pegawai. Pada zaman itu seorang “buruh” yang tinggal di kampung kehidupannya terdedah kepada percampuran lelaki dan wanita. Mereka bekerja dan duduk bersama-sama akibat kejahilan dan kurangnya dakwah. Para petani, buruh dan kuli ini juga terdedah kepada rumput-rumput yang tercemar dan kotor hasil dari situasi kerjaya mereka yang demikian. Nafsu amarah yang ada dalam hati

setiap insan akan mendorong mereka untuk melampaui batasan syarak. Lantas, syariat meletakkan hukum yang mencegah pencabulan batasan syarak ini dengan arahan “kamu tidak boleh menyentuh perkara yang membatalkan wudhuk, ia akan membatalkan solatmu”.

Berlainan pula halnya dengan pegawai di bandar tadi, pada zaman itu suasana kerja penduduk bandar adalah amat terpelihara. Tiada ruang untuk mereka bergaul bebas dengan wanita (jika mereka dari golongan terpelajar) mereka juga tidaklah sentiasa terdedah kepada kekotoran, najis haiwan dan tempat tercemar. Sesuai dengan suasana bandar pada masa itu yang dihiasi dengan kebersihan.

Dari itu, syariat tidak bersikap tegas kepada mereka, lantas mereka dilayani dengan “*rukhsah*” bukan “*azimah*” yang menggunakan tiket mazhab Syafie.

Maka arahannya berbunyi: “*Jika kamu tersentuh wanita bukan mahram, wudhukmu tidak terbatal. Demikian juga najis sebesar syiling dirham tiada menjejaskan sucimu,*” maka mereka ini selamat dari was-was dan berbelah bagi.

Dua hukum yang berlainan ini kami jadikan contoh, anda boleh kiaskan kepada hukum-hukum yang lain. Jika anda mampu membuat penilaian terhadap hukum syarak seperti ini menggunakan timbangan syair dengan cara tadi maka lakukanlah.

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

Mahasuci Engkau Ya Allah, kami tidak mengetahui kecuali apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami.

Sesungguhnya engkau adalah maha mengetahui lagi maha berhikmah. (Surah al-Baqarah-32)

Ya Allah, selawat dan salamlah atas Nabi yang menyerlahkan cahaya kecintaanmu untuk keindahan sifat-sifat-Mu dan nama-nama-Mu. Dialah cermin yang menghimpunkan jelmaan nama-nama-Mu yang indah (الأسماء الحسنا). Dialah nabi yang memusatkan kilauan cinta-Mu bagi setiap ciptaan-Mu yang terdapat dalam alam ciptaan-Mu, kerana sifatnya yang sempurna di kalangan ciptaan-ciptaan-Mu yang lain, ia adalah mercu kesempurnaan ciptaan-Mu, indeks kepada keindahan rekaan-Mu dan lambang kepada kesenian ukiran-Mu terhadap sekalian makhluk.

Dialah nabi yang memiliki kelembutan cinta-Mu, dan keinginan-Mu, untuk memperelokkan ciptaan-Mu supaya muncul sebagai tanda terhebat terhadap keelokan reka ciptamu terhadap sekalian makhluk. Nabi yang merupakan orang paling layak untuk mempamerkan keindahan rekaan-Mu dan kehebatan ukiran demi kesempurnaan ciptaan-Mu. Dialah nabi yang menghimpunkan segala jenis cinta, dan penyempurnaan kebaikan akhlak makhluk-Mu keseluruhannya. Semua itu dengan ihsan-Mu, kelembutan sifat-Mu dan limpah kurnia-Mu.

Dialah insan yang menjadi hujah dan pengukur terbaik terhadap mereka yang Engkau telah sebutkan di dalam al-Quran bahawa Engkau menyayangi mereka, iaitu di kalangan orang-orang yang pemurah, penyabar, beriman, bertaqwa, bertaubat dan kembali kepada kebenaran. Nabi yang terhimpun pada dirinya sekalian sifat yang Engkau

sukai dan mendapat limpahan cinta-Mu. Dialah yang Engkau sebutkan dalam Furqan-Mu, telah menjadi ikutan kepada sekalian kekasih-Mu, penghulu bagi mereka yang Engkau cintai, pemimpin kepada mereka yang kau gemari. Salawat dan salam juga ke atas sekalian keluarga, para sahabat dan saudara mara Baginda.

آمين برحمتك يا أرحم الراحمين

Lampiran Risalah Ijtihad

يَا رَسُولَ اللَّهِ جِئْتُ بِأَشَدِّ جُورٍ سَگِ أَصْحَابِ كَهْفِ
 دَاخِلِ جَنَّتِ شَوْمٌ دَرِ زُمْرَةٍ أَصْحَابِ نُؤِ؟
 أَوْ رَوْدٌ دَرِ جَنَّتِ مَنْ دَرِ جَهَنَّمَ كَيْ رَوَّاسْتِ
 أَوْ سَگِ أَصْحَابِ كَهْفِ مَنْ سَگِ أَصْحَابِ نُؤِ؟

“Berkaitan dengan perihal para sahabat Rasulullah s.a.w”

Aku paparkan di sini suatu ungkapan dari Sheikh Maulana Jamiy yang berbunyi:

Wahai Rasulullah apa yang mudharatnya jika aku masuk syurga bersama ahlinya?

Aku ini seperti anjing Ashabul Kahfi jika dipadankan dengan para sahabat mu pula

Yang mana lebih layak masuk syurga, akukah? atau anjing penjaga mereka beratus tahun lama ?

Dia hanya seekor anjing Ashabul Kahfi sedangkan aku anjing para sahabat Al-Amin tercinta?⁵

Dengan nama Allah yang Maha Suci

(Tiada suatu makhlukpun yang tercipta melainkan bertasbih dan memuji-Nya)

5 Terjemahan puisi Farsi yang permulaannya menyerupai syair. Terjemahan ke Bahasa Melayu telah disesuaikan dengan susunan syair Bahasa Arab dengan mengekalkan makna asalnya – Penterjemah.

بِاسْمِهِ سُبْحَانَهُ
وَأَنَّ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ

Engkau bertanya wahai saudaraku:

Di sana terdapat riwayat-riwayat yang membawa maksud: Ketika berleluasanya bid'ah, golongan mukmin yang benar (sodiqin) boleh mencapai tahap sama seperti sahabat Rasulullah SAW yang mulia atau mungkin boleh mengatasi mereka. Adakah riwayat-riwayat ini sahih? Jika ia sahih, apa penjelasan sebenarnya?

Jawapan saya:

Ahli Sunnah Wal Jama'ah secara ijma' telah memperakui bahawa para sahabat merupakan golongan manusia yang paling mulia selepas para Nabi (a.s.). Ini merupakan hujjah yang qat'ie. Riwayat-riwayat tersebut yang sahih hanyalah melibatkan kelebihan juz'iyah bukan kelebihan keseluruhan. Terkadang kedudukan yang rendah boleh menjadi lebih tinggi jika dilihat dari sudut kelebihan yang juz'ie itu. Dari itu tiada seorang pun yang boleh mengatasi para Sahabat di sudut kelebihan yang menyeluruh seperti yang dipuji oleh Allah di dalam al-Quran al-Karim dan diceritakan-Nya di dalam Taurat dan Injil (Ia dinyatakan di penghujung surah *al-Fath* di atas).

Dari berbagai hikmat dan sebab yang ada, di sini kami hanya akan menjelaskan tiga hikmah yang terkandung dalam tiga sebab sebagai penjelasan kepada kenyataan di atas.

Hikmat pertama: Persahabatan dengan Nabi SAW. (صحابه نبوية):

Bersahabat dengan Nabi merupakan kelebihan yang amat besar. Ia memberi kesan yang besar kepada seseorang kerana “*sohbat Nabawiah*” ini akan melimpahkan “nur” hakikat walaupun seseorang itu hanya mengalaminya dalam tempoh sekadar seminit sahaja. Ini sukar diperolehi oleh insan biasa yang menghabiskan bertahun-tahun umurnya dalam mujahadah. Perlu diketahui, bahawa “*sohbat Nabawiah*” itu dilatari dengan hakikat ketuhanan atau ia merupakan pembalikan dari “nur” kebenaran itu. Seseorang insan mampu menggerakkan cahaya tersebut untuk sampai ke tahap dan darjat kehambaan yang tinggi hanya dengan menuruti ajaran Nabi SAW. Seseorang boleh meningkat bersama-sama Nabi SAW ke maqam yang tinggi di zaman itu, seumpama “*khadam Sultan*” yang mampu meneroka ke tempat-tempat sulit dan utama dalam istana yang tidak boleh dibolosi oleh orang lain meskipun para menteri dan pembesar istana.

Dari sebalik rahsia ini kita dapat melihat bahawa sebesar mana pun wali-wali Allah tidak akan mampu sampai ke tahap kedudukan para sahabat, meskipun mereka yang menerima “*sohbat*” selepas kewafatan Baginda SAW seperti al-Imam Jalaluddin al-Sayuti r.a yang diberi kemuliaan oleh

Allah SWT untuk menemui Nabi SAW secara jaga di dunia. Namun ia tetap juga tidak akan mencapai tahap para sahabat. Kerana “suhbah” yang dialami oleh para sahabat adalah melalui cahaya kenabian (نور النبوة) sedangkan orang yang selepas itu menerima “suhbah” ketika Nabi SAW tidak lagi dalam misinya sebagai nabi dan rasul. Para Waliullah yang soleh hanya melihat Nabi s.a.w selepas kewafatan Baginda iaitu selepas putusnya wahyu. Maka ini dinamakan suhbah dengan nur kewalian (صحبة بنور الولاية) – ertinya – penjelmaan Nabi s.a.w di hadapan mereka adalah atas tiket kewalian Nabi dan bukan dengan kenabiannya.

Jika demikian, sudah pastilah kedua-dua suhbah ini berbeza, iaitu “sohbat nubuwwah” lebih tinggi dan utama dari “sohbat wilayah”. Untuk menjelaskan bagaimana “sohbat nubuwwah” itu lebih tinggi dan mulia kita boleh membuat penelitian berikut:

Seseorang badawi yang keras hati dan tergamak menanam anak perempuannya hidup-hidup dengan tangannya sendiri telah menjadi seorang yang berhati mulia hanya setelah hadir di majlis Nabi SAW. beberapa ketika. Ia lantas menjadi seorang yang lunak dan lemah lembut, bertolak ansur, berjiwa bersih sehingga tidak tergamak untuk membunuh seekor semut yang kecil.

Di sana ada pula seorang yang tidak bertamadun, tidak pernah mendapat pendidikan dan tidak terdedah kepada kemodenan. Namun setelah hadir di majlis Nabi SAW, ia bertukar menjadi mahaguru kepada bangsanya yang bertamadun seperti negeri China dan India. Ia menjadi

sumber dan rujukan tamadun-tamadun dunia selepas itu. Para Sahabat telah mampu memerintah bangsa-bangsa tadi dengan perlembagaan yang amat luhur dan adil. Mereka telah menjadi contoh dan suri teladan kepada tamadun-tamadun agung.

Sebab Kedua: Kesempurnaan fitrah (الكامل الإنساني):

Kita telah memperjelaskan dalam Risalah al-Ijtihad bahawa para sahabat adalah golongan yang berada di kemuncak kemuliaan. Inilah hasil perubahan perdana yang dipelopori Islam yang diterajui oleh Nabi SAW dalam hala tuju kehidupan di waktu itu, sama ada dalam masyarakat mahu pun individu. Islam telah mempamerkan keindahan setiap perkara yang baik dan setiap kebenaran lalu menyerlahkan cahaya kebaikan dan kebenaran itu. Selanjutnya, Islam telah menyingkapkan di hadapan masyarakat insani betapa kejinya suatu kejahatan dan kebatilan lantas menyerlahkan pula kepada manusia akan kepahitan dan kepedihan sesuatu yang jahat dan batil itu. Justeru, terserlahlah apa itu hak dan apa itu batil, apa itu benar, apa itu dusta dengan sejelas-jelasnya, sehingga seseorang boleh menyentuhnya dengan tangan. Maka terbentang luaslah jarak laluan ke arah kebenaran dan kebatilan, antara kebenaran dan dusta, antara iman dan kufur, bahkan antara “syurga dan neraka”.

Oleh yang demikian, para sahabat telah dianugerahkan dengan fitrah yang putih suci dan jiwa yang tinggi. Mereka sentiasa berusaha untuk memperoleh kemuliaan dan ketinggian akhlak, perhatian mereka ditumpukan kepada seseorang yang telah mencapai puncak segala kemuncak

kemuliaan insan, yang menyeru kepada kebaikan, kebenaran dan keluhuran. Dialah contoh dan suri teladan yang sempurna dan ampuh. Itulah ... Muhammad Rasulullah SAW yang mulia, kekasih Allah, Tuhan alam semesta.

Para sahabat selanjutnya telah menggemblengkan seluruh tenaga dengan segala apa yang Allah SWT telah berikan kepada mereka dari segenap kekuatan untuk berjuang di bawah panji-panji Nabi ini. Ini adalah hasil dari dorongan fitrah dan jiwa mereka yang suci bersih. Tiada sedikitpun di hati mereka ada kecenderungan ke arah kebatilan yang dibawa oleh Musailamah al-Kazzab yang merupakan simbol pendustaan, kejahatan, kebatilan dan khurafat.

Untuk memperjelaskan perkara ini kita amati contoh berikut :

Terkadang pasaran tamadun kehidupan manusia mempamerkan barangan yang memberi kesan negatif yang menakutkan dan hasil yang buruk, kotor seumpama racun berbisa kepada masyarakat. Setiap insan yang memiliki fitrah yang sempurna akan membenci dan menjauhkan diri sejauh-jauhnya dari perkara seumpama ini.

Terkadang dipamerkan juga barangan dan jualan yang memberikan hasil yang baik yang menjadi tumpuan semua manusia, seumpama ubat penawar yang mujarrab terhadap penyakit masyarakat. Justeru, mereka yang mempunyai fitrah yang suci akan berusaha untuk mencapai kebajikan dan kebaikan.

Demikianlah pada zaman Nabi dan kurun-kurun terbaik

selepasnya. Berbagai perkara dipamerkan di pasaran kehidupan di kala itu. Secara terang para sahabat berusaha untuk bersikap *sidq* (benar), berbuat baik, menegakkan kebenaran dengan segala kekuatan fitrah yang mereka miliki dan dengan tabiat semula jadi mereka yang mulia.

Secara langsung mereka menjauh dan melarikan diri dari setiap perkara yang akan membawa kepada natijah yang rosak dan kesengsaraan di dunia dan akhirat, seperti sifat dusta dan kufur. Lantas, mereka bernaung di bawah panji-panji Rasulullah SAW dan menjauhi pendustaan Musailamah al-Kazzab (sang nabi palsu) yang merupakan simbol pendustaan, kejahatan, kekufuran dan kebatilan.

Namun, semua ini berubah dengan berlangsungnya perubahan zaman. Zaman kita ini tidak seperti dahulu lagi. Jurang antara kebenaran dan kebatilan semakin rapat. Semakin kita hampir ke zaman kemodenan ini dan kita benar-benar berada di persadanya kita dapati hak dan batil ini dipamerkan di tempat yang sama, bahkan diterbitkan dari punca yang sama. Ketika itu, kerosakan akhlak mula berlaku dan neraca kemasyarakatan mula pincang. Propaganda politik pula mula dilaungkan demi menutup hanyir pendustaan yang menakutkan ini. Dalam masa yang sama ia membenamkan keindahan sifat *al-Sidq* (benar) yang mendamaikan itu.

Lantas, apakah ada seseorang yang berani dan celupar untuk menyatakan bahawa: “*Aku mampu sampai ke tahap mereka itu*” sedangkan para sahabat itu telah sampai ke tahap *yakin, taqwa, al-adalah* (adil), *al-sidq* (benar), sanggup

berkorban jiwa dan harta dalam membela kebenaran yang tidak dapat dicapai oleh sesiapaupun, apatah lagi untuk kita mendahului mereka?

Di sini saya paparkan suatu peristiwa yang pernah saya alami sebagai memperjelaskan satu babak dari masalah ini : Pada suatu hari pernah terlintas di hati saya, mengapa para ulama seperti Muhyiddin Ibnu Arabi itu tidak boleh mencapai tahap sahabat Rasulullah? Lalu aku terpanggil untuk meneliti kata-kata yang aku ungkapkan ketika sujud solat iaitu : *سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى*, secebis hakikat yang luhur dari maksud ungkapan ini tiba-tiba saya perolehi. Saya tidak mengatakan bahawa saya mengetahui semua hakikat tersebut tetapi cuma “secebis” sahaja. Lalu saya berbisik dalam hati: *“Alangkah baiknya jika aku memperoleh hakikat makna seluruh solat tersebut yang sungguh berkat, ia lebih baik dari bersolat sunat setahun”*.

Justeru, aku sedari selepas solat bahawasanya paparan tadi telah memberi jawapan terhadap persoalanku; ia adalah sebagai petunjuk buatku bahawa tiada seorang pun di kalangan kita yang layak untuk mencapai taraf sahabat Rasulullah SAW di sudut ibadah. Ini adalah kerana perubahan perdana sosial manusia yang dicetuskan oleh nur al-Quran telah berjaya membezakan perkara yang berlawanan dengan begitu jelas dan ketara. Maka seluruh kejahatan dan segala bentuk kezaliman mula menentang kebaikan, kebenaran, kesempurnaan beserta segala cahaya dan hasilnya dengan cara terang-terangan.

Dalam suasana yang menghimpit ini, dengan bangkitnya

gerakan kebaikan dan kejahatan serentak dari tempat tidurnya, maka para pendokong kebenaran mula sedar dan meluruskan tekad dan cita-cita mereka. Lantas, setiap zikir, tasbih dan tahmid amat memberi erti kepada mereka di sudut maknanya secara keseluruhan. Lantas mereka mengungkapkannya dengan penuh segar dan bertenaga.

Jiwa nurani mereka yang suci bersih dapat menghirup bahkan khayalan dan sirr mereka juga mampu menghirup dan menghidu “wangian makna” yang amat mendalam dan luas dari ungkapan-ungkapan zikir itu secara tepat melalui “zuq” mereka yang amat peka.

Berdasarkan hikmah ini, para sahabat yang memiliki jiwa yang amat sensitif, deria yang amat peka dan nurani yang jaga, bilamana mereka menyingkapkan kalimah-kalimah zikir yang berkat dan yang bersulam cahaya iman ini seperti tasbih dan tahmid, mereka dapat menghayati seluruh maknanya lantas mereka mengutip maknanya menerusi jiwa- jiwa mereka yang suci lalu ia menjadi mutiara amat berharga bagi mereka.

Namun, perkara ini tidak berterusan dalam suasana yang amat indah seperti yang disebutkan. Suasana mula berubah lantaran perubahan zaman. Jiwa insan mula tidur dan lalai. Ia mula menyimpang dari kebenaran. Generasi mendatang pula mula hilang kekuatan mereka sedikit demi sedikit. Mereka tidak mampu lagi merasai kemanisan kalimah yang mulia ini dan menikmati kelazatannya.

Seolah-olah ia telah kering dan tidak memberi apa-apa erti kecuali makna yang di permukaan. Itu pun hanya diperolehi

setelah penelitian yang panjang dan fikiran jauh. Oleh yang demikian sahabat yang mulia mampu memperoleh maqam dan kelebihan dalam tempoh 40 minit sedangkan orang lain tidak mampu mencapainya dalam tempoh 40 hari bahkan 40 tahun. Kesemua ini adalah hasil kemuliaan “suhbah” yang mereka kecapai bersama Nabi SAW.

Sebab ketiga:

Kemampuan Ijtihad secara fitrah (الإجتهد الفطري)

Telah kami jelaskan (dalam kalimah ke 2, ke 10, ke 24, ke 25): bahawa bandingan antara kenabian (nubuwwah) dan kewalian (wilayah) adalah seumpama matahari dengan bayangnya yang terdapat dalam cermin. Begitulah tinggi dan mulianya kedudukan mukmin yang berada di sekeliling Nabi s.a.w iaitu para sahabat yang mulia, mereka itu seumpama bintang yang terhampir dengan matahari yang bersinar. Bandingan kedudukan mereka dengan para wali yang soleh pula adalah seperti ketinggian martabat Nubuwwah ke atas martabat Wilayah. Andainya ada seorang wali mukmin mampu mencapai tahap kewalian yang tertinggi (contoh: wali di kalangan pengikut sahabat yang mencapai tahap pewaris nabi dan termasuk dalam golongan siddiqin) namun dia tetap tidak akan dapat mencapai maqam golongan sahabat yang berada di saf-saf pertama .

Banyak hujah yang menyokong “Sebab Ketiga” ini. Di sini diberikan tiga hujah sahaja, iaitu :

Hujah Pertama:

Adalah mustahil kita menyamai para sahabat dalam kemampuan ijtihad atau pun pembentukan hukum kerana proses istinbat itu berkait dengan kemampuan untuk mengenal pasti apa yang Allah redha dalam sesuatu perkara melalui kalamnya (al-Quran). Ini kerana, perubahan yang berlaku dalam masyarakat sahabat ke arah mengesakan Allah SWT adalah atas kesedaran untuk mencari redha Allah menerusi pemahaman wahyu-Nya. Semua fikiran dan aqal terbuka dan tertumpu ke arah pembentukan hukum yang sedemikian. Hati-hati dan jiwa-jiwa manusia generasi itu pula berlumba-lumba untuk mengetahui: *“Apa yang Allah SWT mahu dari kita sebenarnya?”* Lantaran itu, apa sahaja perbahasan dan perdebatan akan berkisar atas makna ini, setiap peristiwa yang berlaku dan situasi yang dilalui dilandaskan juga atas maksud ini: *“Di mana redha Allah SWT dalam hal ini? Maka di situlah hukum-Nya”*.

Setiap perkara pada zaman itu sama ada perbincangan, perbualan, perdebatan, pengkisahan kesemuanya berkisar atas makna itu dan menjurus ke arah itu (keredhaan Allah). Maka suasana pada waktu itu dapat melengkapkan keperluan para sahabat bahkan menerangi pemikiran mereka, mempersiapkan diri mereka pula untuk melakukan ijtihad dan istinbat hukum. Lantaran itu, mereka dengan izin Allah dapat menguasai malakah (kemampuan) untuk berjihad dalam tempoh sehari atau sebulan, sesuatu yang tidak mampu dikuasai pada hari ini oleh seseorang yang mempunyai kebijaksanaan yang sama dengan mereka walaupun mereka diberi tempoh 10 tahun bahkan 100

tahun!! Ini kerana, hala tuju kehidupan sekarang ini terarah kepada kebendaan dan keduniaan melebihi keabadian akhirat dan nikmat yang kekal abadi di sana.

Tanggungjawab hidup yang kian berat akibat ketiadaan sifat tawakal kepada Allah SWT terus membebani jiwa insan, menjadikannya terus berada dalam kemurungan, kebimbangan dan gundah gulana. Fahaman kebendaan dan tabi'iyah (naturality) melemahkan akal manusia dan membutakan mata mereka.

Lantaran kehidupan masyarakat kini tidak langsung mendorong otak “insan bijaksana” itu untuk berjihad, ia tidak disokong untuk menggunakan kesediaan fitrahnya itu untuk melakukan ijtihad. Bukan setakat itu, insan bijaksana itu tadi diperkotak-katikkan pula.

Kita telah membuat satu perbandingan antara Sufyan Uyainah dengan “insan bijaksana” seumpamanya tetapi hidup di zaman kita, lantas hasil yang diperolehi dari perbandingan ini ialah “apa yang diperolehi oleh Sufyan bin Uyainah dalam proses istinbat hukum dalam tempoh 10 tahun tidak akan mampu dicapai oleh “insan bijaksana” seumpamanya yang hidup di zaman kita ini walau diberi tempoh 100 tahun.

Hujah Kedua:

Tahap *taqarrub* para sahabat kepada Allah SWT tidak mampu dicapai oleh manusia biasa melalui langkah-langkah kewalian. Ini kerana, Allah SWT itu sendiri adalah amat hampir kepada kita bahkan lebih dekat dari urat leher

kita sendiri. Cuma kita sahaja yang telah menjauhkan diri daripada Allah SWT dengan sejauh-jauhnya. Sesungguhnya setiap insan boleh menghampiri diri kepada Allah SWT dalam dua keadaan iaitu :

Keadaan Pertama:

Satu keadaan iaitu apabila Allah SWT memilih untuk taqarrub kepada hambanya (إنكشاف رباني). Maka darjat “kenabian” yang amat hampir kepada Allah SWT itu adalah dari jenis ini. Para sahabat yang mulia pula telah mendapat habuan yang sama kerana mereka adalah pewaris para nabi dan menduduki darjat “sohbat” di sisi Baginda.

Keadaan Kedua:

Apabila hamba itu jauh dari Allah SWT, maka untuk memperoleh kemuliaan taqarrub kepada Allah SWT itu tadi ialah dengan cara melepasi beberapa halangan-halangan taqarrub kepada-Nya. Sebilangan besar tariqat-tariqat kewalian yang menyusuri perjalanan jiwa dan akhlak adalah bergerak atas landasan ini, sama ada jalan amalan peribadi mahu pun jalan perjuangan kemasyarakatan.

Bentuk pertama tadi iaitu “إنكشاف” (bukaan taqarrub) yang terhasil kerana pilihan Allah SWT kepada hambanya adalah merupakan satu “anugerah” semata-mata. Ia bukan perkara yang terhasil dengan usaha hamba, bahkan ia merupakan tarikan perhatian ketuhanan dan kasih sayang-Nya yang maha telus dan suci. Maka jalannya adalah terlalu pintas tetapi kukuh dan ampuh. Ia adalah amat tinggi dan mulia, bersih suci tanpa sebarang calaran, cemar, sekatan

dan kotoran.

Jalan seterusnya untuk mendapat “*taqarrub*” kepada Allah SWT ialah melalui usaha hamba. Ia adalah jalan yang amat jauh, penuh ranjau dan penuh halangan. Meskipun ia banyak kesaktian namun ia tetap tidak dapat menandingi jalan yang pertama tadi di sudut kepentingan dan ketinggian darjat “*taqarrub*” kepada Allah SWT.

Ayuh kita perjelaskan perkara ini dengan contoh berikut:

Untuk mendapatkan semula hari semalam yang telah melepasi kita mestilah melalui dua cara iaitu:

Pertama: Merentas sempadan waktu dan memutarkannya melalui kuasa agung, dimensi zaman diatasi, maka “semalam” akan dapat dilihat semula seperti hari ini.

Kedua: Dengan cara menunggu selama setahun untuk memperolehi hari semalam sama seperti hari ini. Namun ia tidak juga boleh dikuasai kerana ia bergerak dan berlalu meninggalkan kita.

Demikianlah soal pergerakan dari zahir ke alam hakikat. Ia melalui dua cara, iaitu :

Pertama: Menorobos ke alam hakikat secara terus dari alam zahir tanpa terjun ke medan tariqat.

Kedua: Melepasi berbagai tingkatan martabat melalui jalan kejiwaan dan akhlak.

Meskipun para wali Allah itu dikurniakan oleh Allah taufiq yang berupa kekuatan untuk memerangi nafsu

amarahnya bahkan membunuhnya, namun mereka tetap juga tidak akan mencapai tahap “sohbat” yang dimiliki para sahabat. Ini adalah kerana jiwa para sahabat itu dibersihkan dan disucikan lalu mereka memperoleh berbagai jenis ibadah dan berbagai bentuk gaya zikrullah seperti syukur dan tahmid. Semuanya melalui jentera jiwanya yang berbagai. Sedangkan para wali hanya memperolehinya selepas mereka melalui keadaan “*fana*” . Dalam keadaan ini semua perkara adalah mudah.

Hujah Ketiga:

Para sahabat tidak boleh disaingi hanya dengan *fadhail al-a'mal* (ibadah sunat dan balasan baik dan buruk di akhirat) kerana seorang parajurit yang berada di medan perang dalam suasana yang amat getir dan berada di pos yang penting dan menggerunkan akan memperoleh pahala setahun ibadah, jika dia terkena peluru pada ketika itu juga dia akan meningkat ke suatu martabat yang tidak mampu dicapai oleh jalan kewalian dalam tempoh 40 hari (andaian tempoh paling rendah).

Demikian jugalah jihad para sahabat dalam mengukuhkan pasak-pasak Islam, menyebarkan hukum-hakam al-Quran, dan memerangi dunia atas nama Islam. Ia merupakan martabat tertinggi dan suatu khidmat yang amat mulia, malah ibadah setahun tidak akan menyamai sedetik dari amal mereka. Bolehlah dikatakan bahawa: “setiap detik umur para sahabat adalah umpama pahala syahid yang diperolehi oleh seorang parajurit; setiap waktu hidup mereka adalah sunat-sunat yang dilalui oleh tentera yang

berkawal di suasana yang getir. Amal yang sedikit tetapi pahalanya amat besar dan mencurah-curah; amal yang sedikit tetapi kepentingannya terlalu tinggi.

Ya! Para sahabat adalah umpama anak benih yang tumbuh dan membentuk menara Islam yang tinggi. Merekalah barisan hadapan dalam menyebarkan cahaya al-Quran. Lantaran itu mereka memperoleh banyak kelebihan dan habuan dari seluruh kebaikan umat ini berdasarkan *qaedah*: Penyebab adalah seumpama pelaku (السبب كالفاعل).

Apabila seluruh umat ini mengulang ungkapan salawat:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ

Maka sesungguhnya umat sedang mengakui kemuliaan dan kebajikan yang diperolehi oleh keluarga Baginda s.a.w dan para sahabat yang amat lumayan dari seluruh kebaikan umat ini. Supaya lebih jelas lagi tentang hasil yang sangat besar dari usaha kecil ini kita paparkan pula perumpamaan ini:

“Satu titik kecil dalam akar tumbuhan memberi sumbangan yang besar kepada dahannya yang rendang. Oleh itu seurat akar lebih penting dan utama dari rimbunan dahan itu sendiri, lonjakan kecil di permukaan akan menghasilkan goncangan besar di hujungnya. Selisih kecil di pusat bulatan menghasilkan bukaan sudut yang luasnya satu meter di tepi bulatan, meskipun selisih itu hanya satu “hun” pada asalnya. Demikian juga, oleh kerana sahabat adalah pengasas kepada gerakan tauhid ini, maka mereka juga adalah akar-akar tunjang kepada Islam itu sendiri.

Merekalah garis kasar dalam penyebaran Islam, mereka jugalah yang menjadi paksi kepada masyarakat Islam, pemimpin dan para ulamanya.

Mereka adalah golongan yang terhampir kepada “mentari kenabian” dan obor kebenaran. Amal mereka yang sedikit adalah amat besar nilainya, usaha yang tidak seberapa dari mereka adalah amat besar ertinya malah tidak terjangkau oleh sesiapa pun kecuali sahabat jua.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي قَالَ: «أَصْحَابِي كَالنُّجُومِ بَأَيِّهِمْ
اِقْتَدَيْتُمْ أَهْتَدَيْتُمْ». وَ «خَيْرُ الْقُرُونِ قَرْنِي». وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ

Selawat dan salam kepada junjungan yang berkata:

*Sahabat-sahabatku itu umpama bintang, siapa saja yang kamu ikuti di kalangan mereka kamu akan beroleh petunjuk.*⁶

Junjungan juga bersabda:

*Sebaik-baik kurun ialah kurunku dan kurun yang menurutinya dan kurun yang menurutinya.*⁷ Selawat dan salam juga ke atas keluarga dan sahabat Baginda.

6. Diriwayatkan oleh al-Baihaqiy, diisnadkan oleh al-Dailamiy kepada Ibn Abbas dengan lafaz (اصحابي بمنزلة النجوم في السماء بايهم اقتديتم اهتديتم) lihat Kashaf al-Khafa' 1/132 – Pentejemah.

7. Hadis *Muttafaqun Alaihi*, diriwayatkan secara sepakat seluruh ahli hadis dari Ibn Mas'ud r.a secara *marfu'*. – Penterjemah.

Iman Antara Para Sahabat dan Umat Akhir Zaman

Soalan Pertama: Para sahabat Rasulullah s.a.w yang mulia telah melihat dan bertemu dengan Rasulullah s.a.w lalu mereka beriman dan membenarkan ajaran Baginda. Kita pula beriman kepada Nabi s.a.w tanpa bertemu dan melihatnya. Kesimpulannya, iman kita adalah lebih kuat dari mereka. Tambahan pula terdapat nas-nas yang menyokong hujah kami ini.

Jawapan: Para sahabat yang mulia telah berhadapan dengan berbagai aliran pemikiran di dunia yang menolak kebenaran Islam. Mereka ini telah berdiri teguh menentang aliran pemikiran tersebut. Mereka beriman dengan iman yang kental, benar dan bersih, meskipun mereka hanya melihat tubuh zahir Nabi SAW dan belum pun melihat seluruh kehidupan Baginda, bahkan ada yang belum pernah melihat mukjizat Nabi SAW Namun iman mereka tetap tidak berubah.

Maka iman mereka itu adalah sangat kuat kerana tidak dapat digoncang oleh semua bentuk aliran pemikiran yang menentang Islam. Iman mereka sedikit pun tidak dicalari oleh shubhah dan was-was. Saudara pula tidak pernah melihat jasad tubuh Nabi SAW yang merupakan anak benih kepada pohon kenabian. Namun pemikiran dunia Islam telah menyokong iman saudara dan memperkukuhkannya. Tambahan pula, saudara dapat melihat dengan mata hati

saudara peribadi maksum Baginda SAW yang diserikan oleh cahaya Islam dan hakikat al-Quran. Keperibadian Baginda itu telah disokong pula oleh ribuan mukjizat yang tetap dan mantap. Apakah boleh saudara bandingkan iman saudara dengan iman para Sahabat yang amat ampuh?

Hebatkah iman saudara yang mudah terjerumus ke dalam kancah syubhah hanya dengan ungkapan yang dilafazkan oleh seorang filasuf Barat yang menyahut fahaman kebendaan? Jika dibandingkan pula dengan iman mereka yang sempurna, tidak boleh digugat walau dengan ribut taufan pemikiran yang telah ditiupkan oleh golongan kuffar dan mulhid, yahudi dan kristian dan sekelian pemikir mereka.

Wahai saudaraku! Dimanakah hebatnya iman saudara yang longgar? yang terkadang untuk melaksanakan yang fadhu pun amat berat? Berbeza pula dengan iman para sahabat yang penuh cabaran dan derita. Kekuatan iman dan taqwa mereka telah mencapai tahap “ihsan”.

Adapun hadis berkaitan, yang memberi maksud “*Mereka yang tidak melihatku tapi mereka beriman kepadaku, mereka itu lebih baik dari kamu*”.⁸ Sebenarnya hadis itu meliputi fadhilat-fadhilat khusus yang disasarkan kepada beberapa orang mukmin sahaja, manakala perbahasan kita ini pula adalah dalam fadhilat-fadhilat yang lebih umum yang memberi manfaat kepada majoriti umat Islam.

8. Boleh jadi yang dimaksudkan ialah hadis lain yang berbunyi. Diriwayatkan oleh Muslim 4306, al-Nasa’iy, Ahmad, ibn Majah, dan Malik. Kesemuanya melalui riwayat Abu Hurairah r.a. – Penterjemah.

Persoalan Cinta Dunia

Soalan Kedua:

Mereka mengatakan: Para wali yang soleh dan mereka yang sempurna iman telah meninggalkan cinta dunia dan tidak memberi perhatian kepada dunia. Ini sesuai dengan petunjuk hadis: “*Cinta dunia adalah punca segala kesalahan dan kesilapan*”⁹, manakala para sahabat pula mengambil berat urusan dunia dan tidak meninggalkannya. Bagaimana kamu mendakwa bahawa sekecil-kecil sahabat adalah sebesar-besar para solihin?

Jawapan:

Kami telah menjelaskan perkara ini dengan hujah-hujah yang kukuh dalam pendirian kedua dan ketiga dalam kalimah ke 32 bahawa: Dunia mempunyai tiga permukaan. Jika menunjukkan rasa cinta kepada dua permukaannya yang menghadap ke alam akhirat, ia bukanlah suatu kesilapan dan kekurangan dalam perhambaan kepada Allah SWT. Bahkan ia adalah simbol kesempurnaan seseorang insan dan ketinggian imannya.

Ini kerana, bilamana seorang insan menunjukkan rasa cintanya kepada dua permukaan itu tadi maka dia akan

9. Diriwayatkan oleh al-Baihaqiy dalam al-Sha’ab: dengan isnadnya yang “hasan” kepada al-Hassan al-Basri dan diriwayatkan secara “*marfu’ dan mursal*” (dalam Kasyaf Khafa’ ada pendetailan) diisytiharkan oleh as sayuti akan kedhaifannya. (Faidh al-Qadir oleh al-Manawi 178/3)-Penterjemah

memperolehi kelebihan ibadah dan kelebihan makrifatullah. Oleh yang demikian “dunia” para sahabat sentiasa menghadap ke arah akhirat sahaja. Mereka memandang dunia sebagai ladang akhirat lalu mereka menanam segenap kebajikan dan mereka menuai buah-buahan yang ranum yang merupakan pahala yang besar dan banyak. Mereka menganggap dunia dan seisinya ini seumpama cermin yang membalikkan cahaya *al-Asma al-Husna*. Renungilah ia dan tafakurlah akan setiap sudutnya dengan penuh rindu dan teruja. Maka mereka akan bertambah hampir kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama mereka meninggalkan wajah atau permukaan dunia yang ketiga iaitu yang menghadap ke arah syahwat dan hawa nafsu.

Salah Faham Mengenai Prinsip Tariqat

Soalan ketiga:

Tariqat-tariqat tasawuf adalah jalan untuk mencapai hakikat. Kumpulan tariqat yang utama ialah Tariqat Naqshabandi yang dianggap sebagai tariqat yang ulung. Prinsip Tariqat Naqshabandi ini telah disimpulkan oleh para qutubnya sebagai berikut: Pengikut Naqshabandi mesti meninggalkan empat perkara:

1. Meninggalkan dunia: dengan ertikata tidak menjadikan ia tujuan asasi.
2. Meninggalkan akhirat dengan muhasabah jiwa

3. Meninggalkan diri: iaitu dengan melupakannya.
4. Meninggalkan apa yang ditinggalkan: iaitu tidak memikirkan apa yang ditinggalkan tadi (supaya tidak terjatuh ke lembah ujub dan fakhr (bangga).

Ini bermaksud, meninggalkan segala-galanya selain Allah adalah jalan untuk makrifatullah dan kesempurnaan insan.

Jawapan:

Jika diri seorang insan itu adalah hanya sekeping hati sahaja nescaya wajib bagi dirinya untuk meninggalkan semua perkara kecuali Allah. Bahkan tauhid asma' dan sifat juga wajib ditinggalkan. Dia perlu menghubungkan dirinya dengan zat Allah SWT secara langsung. Akan tetapi insan mempunyai berbagai anggota "*latifah*" yang lain seperti *aqal*, *roh* dan *sirr*. Setiap latifah ini dibebankan dan ditugaskan untuk melaksanakan tanggungjawab tersendiri. Insan kamil ialah seperti para sahabat yang mulia. Mereka menghidupkan kesemua latifah ini untuk tujuan ibadah kepada Allah SWT. Hati telah dilantik menjadi ketua kepada semua latifah yang lain lalu menyampaikannya kepada "hakikat" melalui ibadahnya yang tersendiri. Lantaran itu kesemua latifah ini menjadi tentera yang dikerah di atas tapak dan medan yang luas. Ia sama seperti yang diamalkan oleh para sahabat r.a.

Jika tidak, perbuatan hati meninggalkan tenteranya (latifah-latifah yang lain) dan ia berusaha seorang diri untuk menyelamatkan dirinya bukanlah suatu perbuatan

yang mulia dan membanggakan bahkan ia hanyalah suatu keterpaksaan.

Jangan Pertikai Kemuliaan Para Sahabat

Soalan keempat:

Dari mana datangnya dakwaan yang menyatakan kita lebih mulia dari para sahabat dan siapakah mereka yang mencanangkan dakwaan ini. Mengapa masalah ini digembar-gemburkan di waktu ini. Dari mana pula datangnya dakwaan yang menyatakan kita mampu mencapai darjat para mujtahid terkemuka?

Jawapan:

Mereka yang mengungkapkan perkara ini terdiri daripada dua golongan.

Golongan Pertama:

Mereka yang meriwayatkan hadis-hadis yang berkaitan dengan tujuan untuk merangsang rasa rindu di kalangan orang-orang bertaqwa dan solihin di zaman ini lantas mendorong mereka cintakan agama.

Mereka ini adalah pendokong agama dari ahli ilmu; mereka juga adalah orang-orang yang ikhlas. Kita tiada apa komen terhadap mereka ini. Bilangan mereka sedikit dan mudah mendapat kesedaran.

Golongan Kedua:

Mereka adalah golongan yang sangat tertipu. Mereka berasa kagum terhadap diri sendiri (ujub). Mereka ingin menunjukkan betapa diri mereka mampu bebas dari ikatan mazhab-mazhab Fiqh dengan alasan bahawa mereka juga telah mencapai tahap mujtahid yang unggul. Ada juga yang berusaha membebaskan diri dari ikatan agama dengan alasan bahawa mereka adalah setaraf dengan para sahabat. Lantaran itu mereka itu telah terjerumus dalam perkara-perkara berikut:

(a) Kancah kebodohan – sehingga ia menjadi terbiasa dengannya. Mereka tidak mampu untuk melepaskan diri dari kebodohan mereka sendiri. Mereka tidak melaksanakan suruhan syarak yang menegah mereka dari bersikap bodoh. Saudara akan dapat saksikan salah seorang daripada mereka mempertahankan prinsipnya dengan hujah: “Ini semua perkara-perkara atau masalah khilafiyah dan ijthadiyyah; mazhab-mazhab fiqh pula berselisih pandangan dalam masalah seperti ini. Mereka para fuqaha’ boleh berijtihad, kita juga sama. Mereka terdedah kepada kesilapan, kita juga demikian. Jadi kita perlu melaksanakan ibadat mengikut acuan dan keadaan kita bukan hanya mengikut saja apa yang telah mereka ijthadkan”.

Golongan yang rugi ini cuba meleraikan ikatan mazhab dari tengkuk mereka berpandukan bisikan syaitan dalam hati mereka. Sedangkan ia cuma bisikan yang murah dan hina. Perkara ini telah kami jelaskan dalam risalah al-Ijtihad.

(b) Menghina para sahabat – apabila mereka dapati bisikan murahan mereka ini tidak dapat menghuru-harakan Islam dengan cara memandang rendah kepada ulama-ulama besar Islam maka mereka mula mengkritik para sahabat pula. Para mujtahid memajukan teori agama ini sedangkan mereka yang sesat itu cuba menghancurkan konsep dharurat dalam agama ini atau merobohnya. Jika mereka berkata: *“Kami lebih tinggi daripada para mujtahidin, masalah mereka tetap juga belum selesai, kerana skop perbahasan mujtahidin ialah menyelesaikan masalah-masalah cabang (far’iyyah) tanpa nas syarak secara terus”*. Oleh yang demikian mereka mula membebaskan diri dari mazhab dan mula mengkritik para sahabat yang mulia, sedangkan para sahabatlah yang membina kefahaman kita terhadap dharuriyyat dalam agama. Namun mereka tidak akan berjaya! Haiwan-haiwan berupa manusia ini, atau manusia hakiki sekalipun, sesempurna mana dan sesoleh manapun mereka tetap tidak berhak mendakwa “persamaan” antara mereka dengan para sahabat. Walaupun dengan sekecil-kecil sahabat yang mulia. Ini telah kita jelaskan dalam risalah al-Ijtihad.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى رَسُولِكَ الَّذِي قَالَ: «لَا تَسُبُّوا أَصْحَابِي،
لَوْ أَنْفَقَ أَحَدُكُمْ مِثْلَ أُحُدٍ ذَهَبًا مَا بَلَغَ نِصْفَ مُدٍّ مِنْ أَصْحَابِي». صَدَقَ
رَسُولُ اللَّهِ

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

Yang bermaksud : Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang telah bersabda:

*‘Janganlah kamu mencerca sahabatku! Janganlah kamu mencerca sahabatku! demi jiwaku yang berada dalam genggaman-Nya, jika salah seorang dari kamu menafkahkan emas sebesar bukit Uhud sekalipun tetap tidak akan sama dengan nilai secupak gandum mereka atau setengah cupak (yang mereka nafkahkan)’*¹⁰

Beberapa Perbahasan Mengenai Ijtihad Masakini

Faktor-faktor terhalangnya ijtihad di zaman ini:

Soalan penting:

Sebahagian ulama menyatakan:

Oleh kerana ayat-ayat al-Quran, zikir-zikir yang *ma'thur* dari Nabi s.a.w, tasbih-tasbih dan tahmid memberi cahaya di setiap sudut buat seorang insan dan memberikan pengisian rohani kepada dirinya, maka yang afdhal ialah mengungkapkannya dalam bahasa masing-masing (bukan bahasa Arab) supaya maksudnya difahami. Ini kerana, lafaz sahaja tidaklah memberi apa-apa kelebihan dan tidak boleh menyampaikan apa-apa yang dimaksudkan, kerana lafaz hanyalah pakaian dan pembayang makna.

Jawapan:

Ayat-ayat al-Quran dan zikir-zikir Nabi yang *ma'thur* bukan satu ungkapan yang beku dan jumud. Ia juga bukan

¹⁰ Hadis riwayat Muslim dengan lafaz yang hampir sama. NO. 2540, 2541, 4/1967-1968 – riwayat al- Bukhoriy dan Ahmad 3/11, Abu Daud, Tarmiziy, al-Nasa'iy dan Ibn Majah – Penterjemah.

suatu yang boleh ditukar ganti, ia umpama kulit hidup bagi jasad. Bahkan ia sebenar-benarnya kulit hidup sepanjang zaman ini, sudah pasti menukar kulit kita secara hidup-hidup adalah perkara menyakitkan dan memudharatkan jasad.

Lebih jauh dari itu kalimah-kalimah dan lafaz-lafaz ini terdapat dalam solat, dalam zikrullah, azan dan menjadi syi'ar dan lambang kepada maknanya yang difahami secara kebiasaan umum. Nama dan syi'ar tidak mungkin boleh ditukar ganti.

Hakikat ini saya perolehi setelah melakukan pemerhatian dan penelitian yang panjang terhadap suatu peristiwa yang berlaku ke atas diri saya iaitu:

Ketika saya membaca Surah al-Ikhlas seratus kali secara berulang tanpa henti pada hari Arafah, saya dapati sebahagian deria rohani saya mula letih dan berhenti apabila ia telah kekenyangan dengan habuannya di sudut lafaz. Kekuatan fikiran saya mula berperanan, ia memikirkan maknanya, kemudian ia jemu dan kenyang juga setelah haknya diperolehi. Hati saya yang telah mula menikmati makna lafaz itu juga akhirnya berhenti setelah mengecapi haknya secara berulang-ulang.

Namun apabila bacaan surah al-Ikhlas ini diulang secara berterusan saya dapati deria rohani saya tidak letih, jemu dan kenyang. Sifat "lalai" tidak mampu mencemari kekuatan pemikiran saya. Bahkan rohani saya terus mengecapi habuannya tanpa perlu meneliti pada maksud dan makna lafaz itu, memadai dengan maknanya secara

“*urfi?*” iaitu kebiasaan umum bahawa “surah” ini adalah tentang keesaan Allah kenyataan dan ia merupakan bahawa Allah bukan seperti makhluknya. Maka makna secara ijmal ini adalah memadai. Jika mula memikir maksud dan maknanya jiwa akan mudah jemu dan letih. Kerana rohani kita tidak perlu belajar dan memahami tetapi ia amat perlu kepada *zikir* (ingatan) dan *taujih* (pimpinan dan didikan) dari Allah SWT”.

Oleh yang demikian, lafaz-lafaz yang mulia ini yang merupakan “kulit” kepada maknanya adalah mencukupi untuk rohani dan ia membawakan kepada rohani tadi tujuan makna itu. Tambahan pula ungkapan-ungkapan dalam bahasa Arab itu adalah merupakan sumber limpahan berkat kerana ia menuturkan “*kalam rabbani?*” (bicara ketuhanan).

Peristiwa yang saya alami ini menjelaskan kepada kita bahawa: Penggunaan bahasa asing selain bahasa Arab terhadap azan, tasbih solat, surah-surah al-Quran yang ia berulang setiap hari adalah merupakan perkara yang merosakkan. Ia akan menyekat rohani insan dari memperolehi habuannya yang berterusan setelah ia kehilangan sumbernya yang hakiki iaitu lafaz Allah dan Nabinya yang mulia. Pertama sekali ia akan kehilangan 10 pahala bagi setiap huruf seperti mana yang dijanjikan Allah, manakala ketenangan (طمأ نينة) dan jiwa yang menghadap (حضور قلبي) tidak akan dialami dalam solat yang menggunakan bahasa sendiri atau terjemahan. Maka ia akan mengundang “lalai” (غفلة) dan gelap hati, begitu juga di sana terdapat mudharat-mudharat lain.

Jadi! Inilah yang dimaksudkan oleh al-Imam Abu Hurairah r.a “la ila ha illallah adalah mercu tanda dan syiar tauhid”. Maka di sini kita ingin menegaskan bahawa:

Sebahagian besar tasbih-tasbih, termasuk azan, selawat dan zikir telah dianggap zikir-zikir syiar dan tanda nama bagi ibadah kita. Maka maknanya hendaklah difahami secara kebiasaan umum (عرفي) yang bertepatan dengan syara manakala maksud dan maknanya di segi bahasa bukanlah matlamat utama. Oleh yang demikian ia tidak perlu dialih bahasa sama sekali.

Adapun masalah memahami maknanya, setiap muslim akan mudah melakukannya dengan cara mempelajarinya secara mujmal dalam waktu yang singkat. Tiada alasan untuk menyatakan ia tidak mampu dilakukan sedangkan setiap insan memikir dan cuba memahami perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan kepentingan dirinya setiap hari sepanjang hidupnya. Masakan ia boleh dimaafkan jika langsung tidak mengorbankan sedikit masanya untuk memahami makna-makna tasbih dan zikir solat ini yang merupakan kunci kehidupan dan kebahagiaan abadinya di akhirat. Jauh dari itu, bagaimana kita mahu menganggap dia itu “muslim” atau seorang yang waras jika cuai terhadap agama sampai ke tahap itu. Apakah munasabah untuk kita mengalah lalu merosakkan struktur lafaz rabbani ini yang merupakan sumber nur kepada insani hanya semata-mata untuk memenuhi kehendak si pemalas itu?

Kemudian, apabila seorang mukmin mengungkapkan “سبحان الله” dia sewajarnya tahu bahawa ia sedang

menyucikan zat tuhanNya. Tidak cukupkah sekadar itu? Namun bilamana ia mula menumpukan kepada makna semata-mata dengan bahasanya sendiri maka ia tidak belajar kecuali mengikut saja lintasan akal dan fikirannya yang akan memahaminya sekali lalu. Sedangkan ia mengulang-ulang tasbih itu lebih dari 100 kali sehari. Jika disatukan makna imali tadi kepada lafaz tersebut ia akan membawa nur dan limpahan berkat yang terlalu banyak. Lebih-lebih lagi lafaz dalam bahasa Arab ini mempunyai kepentingan dan kesucian yang tersendiri. Ia memiliki pancaran nur Ilahi dan limpahan rahmat kerana ia adalah kalam rabbani.

Dapatlah disimpulkan bahawa: tidak ada satu bahasa pun yang mampu menggantikan bahasa Arab dalam lafaz-lafaz syariat seperti dalam solat, zikir dan surah-surah pendek. Tiada suatu bahasa pun boleh mengambil alih tugas bahasa al-Quran ini sampai bila-bila. Apa bahasa jua pun tidak akan dapat menyampaikan maksud dan lafaz-lafaz tersebut kerana kesucian, kelangsungannya hingga hari akhirat. Jika boleh kemuliaan dan pun ia hanyalah sementara dan amat terhad urusan-urusan syariat selain zikir dan solat ini juga tidak perlu ditukar istilahnya dan lafaznya kerana keperluan itu akan tertunai dengan didikan, tunjuk ajar dan nasihat.

Natijahnya:- bahasa Arab Fusha (baku) dengan keluasan maksudnya dan keterangan al-Quran dengan lafaznya yang penuh mukjizat menghalangnya dari diterjemah. Oleh itu ia tidak boleh diterjemah bahkan terjemahannya adalah sesuatu yang mustahil kerana maksudnya tidak akan sampai. Siapa yang meragui hal ini bolehlah merujuk semula kalimah yang ke 25 dalam membahaskan “mukjizat

al-Quran” supaya ia boleh melihat sendiri keindahannya, maknanya yang mendalam. Apakah boleh diperbandingkan lafaz asalnya ini dengan terjemahannya yang lemah, kurang dan terbatas?

Seruan Ke Arah Penubuhan Majlis Syura Untuk Menggerakkan Ijtihad

Perkara ini dinyatakan oleh an-Nursi dalam tulisannya (Sanuhat 1922). Ia memaparkan hal ehwal pentadbiran agama Islam di zaman daulah Uthmaniyah sebelum pengisytiharan republik 1923 dan sebelum pemansuhan khilafah 1924. Oleh kerana perkara ini penting di sudut nilai sejarah yang amat berharga dan pandangan-pandangan yang amat berfaedah maka ia dikepilkan bersama risalah ijtihad ini - Penterjemah

Firman Allah SWT:

وَأْمُرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

Yang bermaksud: “*Dan urusan mereka adalah berdasarkan syura sesama mereka*”. (Surah al-Shura 38)

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ

Yang bermaksud: “*Lakukanlah syura bersama mereka dalam setiap urusan*”. (Surah al-Ali Imran 159)

Sejarah telah memaparkan kepada kita, apabila orang Islam berpegang teguh dengan agamanya mereka akan maju dan kuat mengikut kadar kuatnya pegangan mereka kepada Islam. Mereka akan terkebelakang apabila pegangan mereka

lemah. Berbanding dengan penganut agama lain, apabila mereka berpegang kuat kepada ajaran agama mereka, mereka akan menjadi binatang liar yang tak terurus; bila lemah dalam beragama, mereka akan mencapai kemajuan pembangunan.

Kemunculan sebilangan besar para nabi di sebelah timur adalah ketentuan Allah. Perkara yang menguasai jiwa orang timur adalah agama, apa yang kita saksikan masa kini dari zohirah kebangkitan dan kesedaran di seluruh dunia Islam membuktikan kepada kita: Bahawa perasaan keagamaanlah yang menyedarkan dan menyelamatkan dunia Islam dari kerendahan dan kehinaan, tiada yang lain.

Terbukti juga bahawa yang mempertahankan Khilafah Uthmaniyyah ini ialah perasaan keagamaan meskipun banyak pemberontakan dan persengketaan berdarah di pelusuk buminya. Di sinilah kita, berbanding Barat. Dengan itu kita tidak boleh disamakan dengan Barat.

Kuasa dan pemerintahan adalah sinonim. Ia tidak boleh dipisahkan, meskipun arah keduanya berbeza. Berdasarkan ini, kuasa kita ialah sultan yang merupakan khalifah pada masa yang sama. Dia merupakan simbol Dunia Islam. Kesultanan menyelia 30 juta umat. Khilafah ini wajib menjadi pusat tumpuan 300 juta umat Islam yang ditautkan hati mereka kepada Islam secara nurani. Maka khilafah adalah sumber inspirasi, sokongan, bantuan dan perlindungan bagi mereka.

Sebuah kementerian berperanan mewakili Sultan. Institusi al-Masyeikhah (majlis agama) pula mewakili

khilafah. Kementerian tadi besandarkan kepada 3 majlis syura (boleh jadi majlis-majlis ini tidak mampu memberi sumbangan yang sepatutnya kepada kementerian tadi). Kita dapati al-Masyeikhah menumpu kepada ijtihad seorang individu sahaja di waktu hubungan dalam negara dan antarabangsa sudah mula bercelaru dan bercampur aduk hingga ke sekecil-kecil perkara. Tambahan pula kecelaruan berlaku dalam pandangan-pandangan ijtihad. Ia dikusutkan lagi dengan perpecahan di sudut pemikiran dan kemerosotan akhlak yang mencemaskan hasil dar pemodenan palsu yang menyelip masuk ke masyarakat kita.

Kita sama-sama akur bahawa penentangan secara individu tidak mampu berdiri di hadapan pengaruh asing. Banyak hukum hakam Islam yang terpaksa dikorbankan demi memadankannya dengan pengaruh luar tadi.

Suatu masa dulu semua perkara ini mudah. Semua urusan diserahkan kepada ulama dan mematuhi nasihat mereka masih boleh berlaku. Ketika itu, al Masyeikhah berpaksi kepada sistem syura (walaupun dalam bentuk yang tidak tersusun). Syura ini mesti dianggotai oleh tokoh-tokoh yang terkenal. Namun, kini semuanya telah bercelaru. Perkara yang asalnya mematuhi ucapan ulama dan mengikuti cara hidup mereka sudah mula luntur. Oleh yang demikian, bagaimana mungkin seorang individu sahaja mampu untuk memikul tanggungjawab yang terlalu banyak ini?

Al-Masyeikhah (majlis tertinggi Islam) ini telah dikenali sepanjang zaman sebagai wakil khilafah, bukan sahaja untuk penduduk Istanbul atau kerajaan Uthmaniyyah akan

tetapi ia adalah untuk seluruh kaum muslimin sedunia.

Kedudukan al-Masyeikhah kini kian malap dan tidak melayakkannya untuk menjalankan tugas tugas mendidik penduduk Istanbul, apatah lagi mendidik dunia Islam. Oleh yang demikian sistem al-Masyeikhah ini perlu dikembalikan ke satu kedudukan yang boleh meyakinkan umat Islam sedunia. Maka ia akan menjadi cermin untuk memahami masalah umat Islam. Ia perlu menjadi sumber terkaya bagi ijtihad dan pemikiran. Dengan demikian ia akan benar-benar dapat melaksanakan tugasnya terhadap dunia Islam.

Kita bukan lagi berada di zaman silam, di mana pemerintah hanya seorang sahaja; Dialah yang menyemak dan membetulkan pendapatnya sendiri. Zaman ini adalah zaman “berjemaah”. Pemerintah adalah bersifat ma’nawi yang diilhamkan dari jemaah itu. Majlis syuralah yang menguasai pemerintahan yang bersifat ma’nawi itu.

Maka yang layak memberi fatwa bagi pihak pemerintah yang ma’nawi seumpama ini mestilah mufti ma’nawi juga iaitu suatu majlis syura peringkat tertinggi (yang dianggotai oleh jumlah yang besar di kalangan ulama dan pakar bidang) supaya suara majlis ini boleh didengari oleh ramai orang. Ia juga boleh memacu pemerintah ke jalan yang lurus dan betul dalam urusan agama. Jika tidak, fatwa pemerintah tidak akan didengari. Ia akan jadi seumpama bunyi geseran sayap lalat di hadapan organisasi asing meskipun fatwa itu keluar dari seorang tokoh besar.

Selagi kedudukan majlis syura yang paling penting dalam sistem khilafah masih dalam keadaan suram seperti

sekarang ini, ia pasti akan mendedahkan keselamatan umat Islam kepada bahaya. Bahkan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa: Kelemahan beragama yang kita saksikan sekarang ini, pengabaian terhadap syiar-syiar Islam dan kecelaruan dalam urusan ijtihad adalah penyebab kepada kelemahan sistem al-Masyeikhah dan kemalapan sinarnya. Mana tidak? Seorang individu yang berada di luar sistem al-Masyeikhah boleh mempertahankan pandangannya di hadapan al Masyeikhah ini yang hanya bersandar kepada seorang individu (mufti), tanpa ada segan silu, manakala fatwa Sheikh al-Islam yang bersandar kepada sistem syura akan menjadi pengimbang untuk dia meninggalkan pendapatnya atau membataskan pendapatnya itu atas suara peribadi sekurang-kurangnya.

Memang betul! Seorang yang merasakan dirinya berkemampuan untuk berjihad maka dia boleh berjihad, tetapi ijtihad itu tidak boleh diamalkan atau berkuatkuasa kecuali setelah diperakukan oleh Ijma' Jumhur dalam khilafah. Sheikh al-Islam pasti memahami rahsia perkara ini.

Seperti yang kita semua baca dari kitab-kitab Syariah bahawa paksi fatwa ialah ijma' dan pandangan jumhur. Maka amat wajar di waktu ini ia dijadikan kata pemutus. Ia akan membenters kecelaruan yang terhasil dari pertembungan pendapat.

Kementerian dan al-Masyeikhah merupakan sayap khilafah dan negara Islam. Jika kedua-duanya tidak mampu menjadi dua sayap yang mengimbang dan seimbang

maka khilafah tidak akan dapat berjalan dengan baik dan lancar. Jika sistem khilafah sekarang diteruskan (tanpa membaikpulih kementerian dan al-Masyeikhah), khilafah ini akan mula kehilangan banyak tempat-tempat suci orang Islam di hadapan pencerobohan “pemodenan” yang rosak dan hina.

“Keperluan dan masalah” adalah guru bagi setiap perkara. Ambillah ia sebagai satu kaedah. Keperluanlah yang mendesak terhadap penubuhan Majlis Syura. Jika ia tidak dapat diasaskan di sini, ia mesti juga diasaskan di tempat lain secara dharurat.

Meskipun melaksanakan muqaddimah kepada penubuhan majlis syura seperti penubuhan yayasan jemaah-jemaah Islam dan meletakkan pentadbiran waqaf di bawahnya bersesuaian, namun dahulu kemudian adalah mendirikan majlis syura menghiaskannya dengan muqaddimah-muqaddimah tadi adalah lebih mencapai maksud dan matlamat.

Suruhanjaya pemilihan (ahli parlimen/wakil rakyat) yang terhad dan tugasnya yang bercampur aduk boleh jadi juga memberi kesan secara tak langsung, meskipun sepatutnya suasana sekarang amat memerlukan penubuhan majlis syura yang berkecuali dan telus supaya ia dapat menjalankan tugas-tugas yang rumit dan penting ini dengan penuh wibawa.

Menggunakan apa saja tapi bukan pada tempatnya akan membawa kepada kebuntuan. Kesan yang diharapkan

tidak akan diperolehi. Dar al-Hikmah al-Islamiyyah¹¹ yang ditubuhkan dengan matlamat yang cukup tinggi itu akan dapat memberi kesan yang nyata dalam menyelesaikan masalah yang rumit ini. Dengan syarat, peranannya diubah dan dibenarkan untuk menyertai majlis syura bersama dengan pengarah-pengarah jabatan lain dalam al Masyekhah sebagai ahli panel syura dan disertai sekurang-kurangnya 20 orang ulama dari seluruh negara Islam.

Kita tidak sewajarnya berasa takut dan teragak-agak. Kita tidak diberi apa-apa imbuhan dan rasuah dalam soal agama ini yang mengundang rasa takut dan teragak-agak. Kita perlu menyelar kemodenan, pembaharuan dan kemajuan yang palsu ini, yang telah menyebabkan agama kita menjadi lemah. Ia juga telah menambahkan rasa takut dan lemah kita dalam menegakkan agama, dalam masa yang sama akan memberi kekuatan pula kepada pengaruh asing dalam negara. “Keperluan dan masalah” yang jelas ini tidak patut dikorbankan demi kemudharatan yang samar.

و من الله التوفيق

11. Darul al-Hikmah al-Islamiyyah adalah sebuah badan akademik di bawah pentadbiran al-Masyekhah dalam kerajaan Uthmaniyyah yang dianggotai barisan ulama besar, dan An-Nursi adalah salah seorang anggotanya. Beliau dipilih menganggotainya kerana kepakaran beliau dalam Ilmu Hadis seperti yang dicatatkan oleh ahli sejarah Turki Ismail Haqqi dari Sheikh al-Islam Mustafa Sobri (Audinler konusuyor 33)

Memahami Qudsiyyah (Kesucian) Al-Quran

Firman Allah s.w.t:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Yang bermaksud: “*Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan dan mereka menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah kemungkaran. Merekalah orang-orang yang beruntung.*”

أَلَمْ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Yang bermaksud: “*Alif Lam Mim. Inilah kitab yang tiada ke raguan di dalamnya menjadi petunjuk kepada orang yang bertaqwa.*”

Saya berpendapat, akibat dari kecuaiannya umat Islam terhadap pengamalan hukum hakam fiqh ialah perkara berikut:

Rukun Islam dan hukum hakamnya yang utama adalah dipetik dari al-Quran al-Karim dan sunnah Nabi SAW pula berperanan sebagai pentafsir. Hukum hakam jenis ini membentuk 90% dari agama, manakala masalah-masalah khilafiyah pula tidak melebihi 10% dari agama.

Di sini nampak betapa jauhnya perbezaan antara kepentingan hukum hakam utama berbanding dengan masalah khilafiyah. Jika kita menyamakan masalah

khilafiyah itu seumpama emas maka hukum hakam utama dan rukun-rukun iman adalah umpama berlian. Jadi, apakah wajar 90 tiang berlian dianggap murah berbanding 10 tiang emas? Apakah wajar pengawasan kita kepada 10 tiang emas itu lebih ketat jika dibandingkan dengan 90 tiang permata berlian itu?

Perkara yang membuatkan orang ramai mahu mengikut dan mematuhi perintah Allah ialah sumber yang dihiasi dengan “*qudsiyyah*” iaitu kesucian al-Quran. Qudsiyyah inilah mendorong orang ramai yakin dan percaya yang bahkan tunduk patuh kepada setiap arahan dan tegahan. Ia lebih kuat dari hujah dan bukti ilmiah. Oleh itu rujukan-rujukan fiqh perlu telus seperti kaca supaya “*qudsiyyah*” al-Quran dapat dilihat dari barisan-barisan ayat di dalamnya. Jangan pula buku rujukan menjadi sebaliknya iaitu menjadi hijab kepada qudsiyyah al-Quran.

Pemahaman manusia bertukar dari malzum (الملزوم) kepada lazim (اللازم) bukan dari lazim (اللازم) kepada lazim al lazim (لازم اللازم) (اللازم) seperti yang dibahaskan dalam ilmu mantiq. Jika ia berpindah juga dalam bentuk ini maka ia bukan semulajadi di sudut maksudnya. Kitab-kitab fiqh adalah menyerupai al-malzum.

Al-Quran adalah petunjuk kepada hukum hakam fiqh dan dialah sumbernya. Maka al-Quran adalah al-lazim (اللازم). Sifat yang melazimi diri al-Quran itu pula ialah “*qudsiyyah*”nya yang boleh menghidupkan jiwa yang mati. Oleh kerana perhatian umum hanya terhadap hukum hakam fiqh semata, maka perhatian kepada al-Quran akan kurang

kecuali dalam bentuk yang tidak serius. Jarang sekali kita dapat membayangkan qudsiyyah al-Quran ketika membaca hukum hakam. Di sini bermulalah jiwa kita lesu dan kita akan terbiasa dengan kelalaian, manakala jumud pula akan mula menebal.

Jika al-Quran diperjelaskan secara langsung ketika membahaskan hukum hakam agama atau perkara perkara penting dalam agama nescaya fikiran kita akan terarah secara terus untuk merasai qudsiyyah al-Quran tadi secara semula jadi. Kita akan mudah akur dan mematuhi suruh tegahnya. Dari situ tumbuhlah kekuatan dan kekayaan jiwa pada penerimanya, berbanding hanya bungkam lesu di hadapan nasihat keimanan.

Kitab-kitab fiqh moden sewajarnya telus sehingga boleh memperlihatkan qudsiyyah al-Quran al-Karim. Ia tidak boleh menjadi hijab kepada al Quran seperti yang terlihat sekarang ini dengan berlalu tempoh masa yang lama di alam taqlid. Jika ia boleh dihidupkan semula kita akan dapati kitab kitab fiqh ini adalah tafsiran kepada al-Quran dan bukan semata-mata karya yang tersendiri. h Perhatian umum dalam hal-hal keagamaan, hukum hakam dan rukun-rukun Islam mesti dialihkan kepada al-Quran secara terus. Al-Quran adalah kalamullah yang gemilang penuh mukjizat dan dilimpahi cahaya qudsiyyahnya. Dengan cara ini jiwa keimanan akan sentiasa hidup.

Proses Pengalihan Perhatian Umum Kepada Al-Quran Ini Berlaku Dalam Tiga Bentuk:

1. Mengecam, mengkritik karya-karya fiqh para ulama kita atas nama membersihkan al-Quran dan menyucikannya dari pemikiran-pemikiran luar. Bentuk ini adalah tercela. Para ulama yang *thiqah*, muktabar dan bertaqwa adalah amat layak untuk disanjung dan bukan dikeji. Perbuatan begini adalah satu kezaliman dan malapetaka besar terhadap umat Islam.

2. Mengolah semula karya-karya ulama tadi dalam bentuk yang membolehkan sinar al-Quran dilihat iaitu ia menjadi pentafsir kepada al-Quran. Cara ini boleh dilaksanakan secara beransur dalam sistem pendidikan moden hari ini sehingga modul-modul dan buku-buku teks tadi menjadi seumpama karya-karya ulama silam seperti kitab al-Muwatta' dan al-Fiqh al Akbar. Ketika ini karya Ibn Hajar dibaca tetapi bukan dengan pemahaman Ibn Hajar sendiri. Sebaliknya ia dibaca bertujuan untuk memahami arahan dan tegahan al-Quran. Cara ini perlu kepada tempoh yang panjang dalam sistem pendidikan negara.

3. Mengalihkan perhatian umum kepada suatu yang lebih tinggi dari karya-karya fiqh itu, iaitu apabila membaca karya-karya tadi hendaklah dipadankan kepada al-Quran secara berterusan dan sentiasa mengingatkan bahawa al-Quran lebih tinggi dan mulia dari kitab-kitab lain seperti yang dilakukan oleh tokoh-tokoh tasawuf. Lantaran itu, segala hukum hakam syarak dan asas-asas penting dalam

Islam dapat divedok terus dari al-Quran yang merupakan sumber sebenar. Masalah-masalah ijtihadiyyah pula boleh didiskusikan berdasarkan kehendak umum ayat-ayat al-Quran tadi.

Suatu yang tidak dapat disembunyikan bahawa ucapan seorang ahli sufi yang hak dan benar, amat berkesan ke hati, terasa kemanisan nasihatnya. Ia tidak pula dirasai dari seorang ulama Fiqh (semata-mata). Perbezaan ini terhasil dari rahsia yang telah kita bahaskan di atas.

Suatu yang telah menjadi lumrah, apa saja yang dilihat bernilai dan berhak mendapat penghargaan pada pandangan umum bukanlah kerana kesempurnaan sesuatu benda atau perkara itu tetapi yang menjadi keutamaan masyarakat umum ialah 'minat' dan 'keperluan peribadinya dari perkara itu meskipun ia tidak bernilai di sudut yang lain. Seorang tukang jam memperoleh upah yang lebih mahal daripada apa yang diberikan kepada seorang ulama. Itu suatu contoh yang mudah untuk memahami perkara ini.

Sekiranya keperluan hidup manusia ini diarahkan kepada al-Quran secara langsung dalam setiap perkara, nescaya kitab agung ini akan mendapat tumpuan dan perhatian penuh berasaskan keperluan tadi - berlipat kali ganda dari perhatian umat ini kepada kitab-kitab lain yang beribu jumlahnya. Bukan setakat itu, al-Quran akan menguasai jiwa manusia. Ketika itu setiap perintahnya akan dituruti dan ditaati. Ia bukan lagi sekadar kitab agung yang menzahirkan keberkatan apabila dibaca.

Sementara itu, di sana terdapat bahaya lain yang sangat

serius akibat dari mencampur adukkan perkara-perkara asas dalam agama dengan masalah-masalah (*khilafiyah*). Apabila menjadikan masalah khilafiyah lebih utama untuk diperjuangkan, perkara-perkara asas pula yang menjadi sampingan. Orang yang mendakwa berada di jalan kebenaran dan meyakini orang lain adalah berada di jalan yang salah selahanya menyatakan (perjuanganku benar dengan sedikit kemungkinan silap. Perjuangan orang adalah salah dan ada sedikit sahaja kemungkinan benar), sedangkan masyarakat umum gagal membezakan antara asas agama dan perkara (l) yang mencampurinya. Lantas mereka melihat secara umum saja. Kesalahan yang mereka lihat dalam perkara (khilafiyah) dilibatkan kepada seluruh hukum hakam yang lain - secara silap atau lalai - di sini akan terlihatlah bahaya besar yang dimaksudkan tadi.

Pada saya, orang yang suka menyalahkan orang atau mencari silap orang lain itu (dan menganggap dirinya sahaja yang benar) telah ditimpa penyakit “pemikiran sempit dan minda terkepung akibat dari cintakan nafsunya.” Dia pasti akan dipersoalkan di hadapan Allah nanti atas kecuaiannya terhadap kesyumulan al-Quran kepada seluruh alam.

Sikap menyalahkan dan mencari silap orang ini juga adalah sumber yang kaya dengan “prasangka buruk” (سوء الظن) sesama insani, seterusnya akan berlaku pulau memulau dan berpuak-puak sedangkan Islam sibuk mengajak kita berbaik sangka, berkasih sayang dan bersatu! Cukuplah dirinya yang telah jauh dari roh Islam dengan merobek luka jiwa-jiwa orang Islam yang saling berkasih sayang, dia cuba melebarkan pula rasa permusuhan dan perpecahan

dalam barisan umat ini. Akibatnya, umat ini akan terus jauh dari perintah al-Quran.

Penutup

Setelah risalah ini saya tulis dalam waktu yang singkat saya telah bermimpi bertemu Baginda Rasulullah s.a.w dalam tidur. Saya berada dalam majlis kuliah Nabi yang mulia. Baginda akan mengajar saya sesuatu mengenai al-Quran. Ketika dibawakan kepada baginda senaskah al-Quran, baginda bangun memberi penghormatan kepada al-Quran itu. Maka terdetik di hati ini bahawa ia adalah satu petunjuk bahawasanya umat ini amat perlu untuk menghormati al-Quran dan mengagungkannya.

Saya telah menceritakan mimpi ini kepada seorang yang soleh, lantas beliau mentafsirkan mimpi tersebut sebagai berikut:

“Ia menunjukkan bahawa suatu hari nanti al-Quran akan menduduki tempat yang tertinggi sesuai dengan darjatnya dalam dunia ini keseluruhannya”.